

Bil. 37

**Khamis
30 Julai 1998**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mesyuarat Dewan Rakyat - Tambahan Hari

(Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):

Kemerosotan Situasi Hak Asasi Manusia di Myanmar
- *Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]*

(Ruangan 15)

MENANGGUHKAN RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62

(Ruangan 17)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998

(Ruangan 17)

Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar
Pesisir Labuan (Pindaan) 1998

(Ruangan 24)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihanzah bin Ahmad (Lipis)

Yang Berhormat Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

Yang Berhormat Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 30 Julai 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]] *mempengerusikan Mesyuarat*

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MESYUARAT DEWAN RAKYAT - TAMBAHAN HARI

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis supaya Mesyuarat Dewan Rakyat ditambah selama dua hari lagi iaitu pada hari Isnin, 3 Ogos 1998 dan Selasa, 4 Ogos 1998 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

KWSP- JUMLAH PELABURAN DALAM BSKL

1. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah wang caruman KWSP yang digunakan untuk melabur dalam BSKL dan sebanyak manakah keuntungan yang diperolehi; dan
- (b) berapa banyakkah wang KWSP ini dipinjamkan kepada institusi kewangan tertentu dan bagaimana syarat-syarat pinjaman itu dikenakan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pelaburan ekuiti KWSP pada 31 Disember 1997 ialah sebanyak RM24.98 bilion iaitu merupakan 19.24% dari jumlah aset manakala keuntungan yang diperolehi adalah RM761.14 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1997 iaitu 9.53% dari jumlah pendapatan pelaburan.
- (b) Setakat 18 Julai 1998, pinjaman KWSP kepada sektor perbankan adalah sebanyak RM1.66 bilion dan pinjaman kepada institusi kewangan tertentu adalah berdasarkan pertimbangan komersial dan mengikut dasar dan garis panduan Panel Pelaburan KWSP.

Di antara syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh institusi kewangan yang meminjam ialah

- (i) mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia;
- (ii) mempunyai kedudukan kewangan yang baik;
- (iii) keupayaan pembayaran balik; dan

(iv) dana pemegang saham yang kukuh.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kekhawatiran yang meluas di kalangan contributors KWSP baru-baru ini khasnya mengenai laporan-laporan bahawa KWSP akan dikehendaki untuk buat contribution kepada dana atau beli bon-bon sehingga RM20 bilion dengan Petronas dan syarikat-syarikat insurans dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengenai pelaburan dalam ekuti-ekuti saham yang disebut RM25 bilion. Dalam bulan Jun lalu tahap KLSE Composite Index ialah 1,117 dan semalam ialah 385.97 yang jatuh 65.47%; bererti RM25 bilion pelaburan saham-saham KLSE oleh KWSP akan merugikan RM16.4 bilion. Adakah satu kajian dibuat sama ada KWSP membuat pelaburan dalam ekuiti yang munasabah termasuk sama ada pelaburan KWSP dalam pinjaman-pinjaman. Tahun lalu ialah RM33 bilion. Adakah KWSP rela untuk mengumumkan butir-butir semua peminjam, nama mereka, amaun mereka, syarat mereka supaya selaras dengan dasar transparency, selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam UMNO General Assembly mengenai beneficiaries, contracts dan kemudahan-kemudahan kerajaan. Open declaration, umumkan list - nama, amaun, syarat, interest semua peminjam supaya tidak menyalahgunakan wang KWSP.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama mengenai dengan kekhawatiran pendeposit yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Tanjung tadi, di dalam pelaburan KWSP segala ciri-ciri dan kriteria pelaburan telah diambil kira oleh Panel Pelaburan yang mempunyai kepakaran di dalam pelaburan masing-masing. Saya tahu Yang Berhormat merasa khuatir mengenai pelaburan di dalam KLSE iaitu Yang Berhormat mengikut kiraan paper loss Yang Berhormat tadi RM6.4 bilion. Saya tidak ada angka di sini berkenaan dengan sebanyak mana yang dikatakan paper loss dan banyak mana yang telah di recover ataupun dijual sebelum kejatuhan oleh pihak KWSP. Angka ini akan dapat kita lihat di dalam laporan kewangan KWSP khususnya dalam Laporan Kewangan Tahunan yang mungkin kita dapat dan ini juga mengenai butir-butir secara terperinci kepada siapa yang KWSP beri saya pasti ianya akan dimasukkan di dalam laporan kewangan KWSP dan.....

Tuan Lim Kit Siang: Paper loss RM16 bilion....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: RM16 bilion itu, Yang Berhormat kira secara hypothetical iaitu paper loss beli dan kalau tidak dijual pada sekian, sekian masa ia akan hilang tetapi tentu sekali ada yang KWSP menjual sebelum kejatuhan ini berlaku. Jadi, ini akan dapat angka-angkanya di dalam laporan-laporan yang KWSP keluarkan pada laporan tahunan. Mengenai dengan pinjaman-pinjaman yang KWSP beri, tentu sekali pihak KWSP akan dapat memberi segala butiran yang terperinci apabila sampai masanya kelak.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Apakah benar dakwaan mengatakan bahawa banyak wang KWSP digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat besar seperti UEM dan PLUS dan apakah benar Jawatankuasa Pelaburan KWSP membuat keputusan untuk membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat besar begini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sebenarnya ini adalah tidak benar, tidak benar langsung yang mana KWSP membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat seperti UEM, PLUS ataupun mana-mana syarikat yang ditentukan. Ingin saya patah balik kepada apa Yang Berhormat katakan tadi, saya lupa hendak jawab mengenai dengan bon-bon misalannya Danaharta dan khususnya apa yang dipercakapkan sekarang. Jadi KWSP - 25% daripada dananya adalah dibenarkan untuk melabur di dalam pasaran ekuiti. Jikalau ianya melabur ataupun menjual bon, itu adalah satu kerja biasa bagi KWSP. Malahan kalau dahulu kebanyakan pelaburan KWSP adalah di dalam bon-bon kerajaan tetapi sekarang KWSP telah memperbanyakkan pelaburannya di dalam equity market untuk

memastikan pendapatannya melebihi daripada pendapatan jikalau ianya melabur di dalam sekuriti kerajaan semata-mata.

Jadi ini adalah satu proses yang dinamis, kita tidak boleh mengatakan KWSP mengalokasikan dana-dananya mengikut satu formula yang tetap mengikut keadaan. Jadi pada masa sekarang, KWSP mengkaji apakah formula-formulanya yang perlu diikuti supaya ianya dapat pembalikan yang maksimum kepada pelaburannya. Jadi adalah tidak benar sama sekali yang mengatakan KWSP bail out ataupun memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau terlibat pun, adalah terlibat daripada awalan di dalam ekuiti-ekuiti syarikat yang dikatakan itu.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order 36(1) – tidak membenarkan dalam masa soal jawab apa-apa isu yang misleading – Yang Berhormat Timbalan Menteri ada misleading apabila beliau nafi ada pelaburan KWSP dalam UEM dan Renong. Itu misleading oleh kerana KWSP ada buat pelaburan dalam UEM beratus juta saham sebenarnya dan dalam Renong – itu misleading, misleading the House dalam 23(1)C- mana boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada apa-apa Yang Berhormat hendak komen?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya kata pelaburan selepas berlaku krisis dalam UEM – sebelum itu KWSP melabur melalui KLSE, melalui pembelian sahamnya di dalam syarikat itu melalui KLSE, yang saya menafikan ialah pelaburan ataupun pemberian mana-mana wang untuk bail out syarikat ini, itu yang saya nafikan. Saya tidak nafikan

Tuan Lim Kit Siang: Ya, melalui KLSE

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Bukan, dia membeli saham sebelum wujudnya krisis di dalam UEM ataupun mana-mana syarikat melalui KLSE. Sebelum berlaku, itu yang saya katakan. Saya nafikan bahawa wang KWSP digunakan untuk bail out mana-mana syarikat yang ada masalah, itu penjelasannya

Tuan Lim Kit Siang: No, pembelian pada Oktober, Oktober tahun lalu ialah selepas krisis tercetus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, saya ingat cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang:, Oktober, itu jangan misleading the House.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu pembelian di dalam KLSE

Tuan Lim Kit Siang: Ya, betul....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: sebagai pembelian yang berasaskan kepada pelaburan ataupun 'consideration' pelaburan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk bail out.

LARANGAN PENJUALAN BALIK RUMAH KOS RENDAH - DASAR KERAJAAN

2. **Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah benar bahawa pemilik rumah-rumah kos rendah RM25,000 tidak boleh menjual rumah-rumah berkenaan setelah dimiliki melebihi daripada

RM25,000 dan adakah ia akan menjadi dasar kerajaan. Adakah benar ini berpunca daripada spekulasi pasaran.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa salah satu sebab peningkatan harga rumah kos rendah adalah berpunca daripada spekulasi pasaran. Buat masa ini kerajaan belum lagi menggubal dasar melarang pemilik rumah kos rendah bernilai RM25,000 menjualnya melebihi harga tersebut. Walau bagaimanapun kerajaan telah memutuskan supaya rumah kos rendah dikenakan sekatan kepentingan tidak boleh dijual dalam tempoh sepuluh tahun daripada tarikh didaftarkan. Langkah ini boleh membantu mengawal spekulasi pasaran.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan mengenai rumah-rumah kos rendah – kerajaan telah menetapkan beberapa tarif iaitu beberapa rumah perlu dibina untuk setiap negeri akan tetapi dilaporkan bahawa setiap negeri di negara ini tidak mencapai target yang dihadkan. Jadi dalam hal ini bagaimanakah dengan orang-orang miskin yang diabaikan? Adakah ini betul dan macam mana Kerajaan Persekutuan akan memastikan supaya semua kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan sendiri akan mengikut cakap yang telah dijanjikan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak tepat sebab dalam Rancangan Malaysia Keenam, jumlah rumah yang didirikan oleh pihak swasta dengan pihak kerajaan adalah melebihi target yang kita tentukan dan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, kita pun menyebutkan sesuatu target yang akan dicapai oleh pihak-pihak negeri-negeri dan setakat ini dalam setiap 3 bulan kita ada terima 'feedback' daripada pihak kerajaan negeri dan setakat ini kita rasalah ada target sasaran dalam Rancangan Malaysia Ketujuh itu akan dicapai akhirnya. Tetapi walaupun sekarang ada 'slow down' sedikit sebab kita faham masa kegawatan ekonomi tetapi apa yang sudah diluluskan iaitu jumlah rumah ini yang diluluskan dalam projek-projek yang diminta oleh pihak pemaju di setiap negeri ini adalah dianggap sesuai untuk kita mencapai target Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri, baru-baru ini saya telah dimaklumkan iaitu harga rumah kos rendah ini dinaikkan kepada satu harga yang lebih munasabah sedikit. Oleh kerana ada laporan mengatakan salah satu daripada sebab kenapa rumah kos rendah tidak boleh dibina oleh kerana kos pembinaan, kos tanah adalah begitu tinggi.

Pertanyaan saya adalah begini, adakah kementerian bercadang untuk melihat daripada harga nilai tanah dan harga 'building material' satu-satu tempat supaya rumah kos rendah tidak disebut dengan dua harga iaitu di Sabah satu, di Sarawak satu dan di Semenanjung satu. Umpamanya di Kelantan pun murah juga, kenapa harga masih macam itu, tidak ada juga buat rumah kos rendah? Jadi sama ada melihat harga tanah di kawasan-kawasan dan di bandar-bandar tertentu untuk menaikkan harga dan lagi satu di mana tempat tanah itu murah dan harganya patut dimurahkan juga, macam mana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, sebenarnya itulah yang kita amalkan sekarang, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu harga rumah ini akan ditentukan berdasarkan lokasi dan berlain sedikit di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Berlain kategori yang kita sediakan sekarang iaitu dikategorikan dengan bandar-bandar metropolitan atau bandar raya yang besar dengan bandar-bandar besar dan bandar-bandar yang berpinggiran dengan bandar raya dan juga pekan kecil atau luar bandar.

Semua ini berdasarkan kepada kos tanah dan juga kos harga barang-barang pembinaan kerana feedback yang kita dapat daripada pihak pemaju, inilah masalah yang mereka hadapi iaitu kalau kita sebutkan Kuala Lumpur ini memang harga tanah dan harga upah juga adalah tinggi berbanding dengan negeri-negeri yang umpamanya di Kelantan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi atau di Sarawak dan Sabah. Masalah di Sarawak dan Sabah adalah berlainan sedikit kerana pihak pemaju oleh sebab jumlah (volume) rumah-rumah itu tidak cukup besar, maka mereka tidak dapat membina rumah-rumah kos rendah ini dengan harga yang seumpamanya yang diamalkan di Semenanjung Malaysia sebab jumlah (volume) rumah-rumah itu tidak cukup besar dan mereka tidak dapatlah jimat kosnya. Oleh sebab itu di Sarawak dan Sabah kita membenarkan mereka menaikkan kosnya 10% daripada kos-kos yang ditentukan di Semenanjung Malaysia ini.

PENCEMARAN UDARA OLEH MOTOSIKAL ENJIN 2 LEJANG

3. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa pada beberapa tahun yang lepas pihaknya telah bercadang bagi mengharamkan pengeluaran motosikal enjin 2 lejang yang mana didapati motosikal jenis ini banyak mengeluarkan asap di mana ianya boleh menyumbang ke arah masalah pencemaran udara dan jerebu. Apakah tindakan kementeriannya bagi menangani masalah ini yang tidak boleh dipandang ringan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menangani masalah pencemaran udara serta jerebu yang berpunca daripada pelepasan kenderaan bermotor termasuk motosikal, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menguatkuasakan dua peraturan bagi mengawal pelepasan daripada kenderaan petrol dan diesel. Peraturan-peraturan tersebut ialah:

- (i) Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.
- (ii) Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mengharamkan pengeluaran motosikal 2 lejang adalah bertujuan untuk memberhentikan secara berperingkat pemasangan atau pengeluaran motosikal jenis itu kerana banyak mengeluarkan asap. Pengeluar industri pemasangan motosikal di Malaysia digesa supaya menggunakan teknologi 4 lejang bagi meningkatkan kawalan ke atas pelepasan asap. Satu peraturan baru sedang digubal bagi memastikan semua motosikal termasuk motosikal enjin 2 lejang mematuhi standard-standard pelepasan tersebut. Sekian.

Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih ke atas jawapan Yang Berhormat yang begitu terperinci. Saya hendak tahu bahawa benar atau tidak benar dakwaan tentang kualiti diesel yang dijual di negeri kita bahawa kualitinya lebih rendah berbanding dengan diesel yang dijual di negeri lain kerana saya selalu mendapat dakwaan bahawa kenderaan yang baru walaupun pakai kereta baru tetapi bila pakai diesel tempatan asapnya begitu tinggi dan pihak kementerian Yang Berhormat dan JPJ selalu memberi saman. Minta Timbalan Menteri memberi penjelasan tentang hal ini.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang, jawapannya tidak benar, ianya adalah merbahaya sekali kalau kita dengar khabar-khabar angin.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan peluang soalan tambahan. Saya harus mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sama ada bila pegawai daripada kementerian menjalankan kerja

penguatkuasaan dan mereka tekan minyak sehingga habis adakah ini munasabah bagi pegawai membuat demikian kerana bila kita tekan minyak sehingga habis terus memang asap hitam akan keluar. Kita menerima banyak aduan daripada pemandu teksi dan bas bahawa pegawai penguatkuasaan dari kementerian Yang Berhormat memang ada buat demikian. Harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu tekan mesti tekan kuat-kuat, [*Ketawa*] kalau slow macam mana mahu ukur asap itu. Jadi perkara ini kita ambil perhatian, sebenarnya kalau kita mahu cuba sesuatu perkara, kita uji, ini teknikal, jadi kita kena buat sungguh-sungguh. Jadi takkan kerana tekan kuat asap banyak sedikit kita mahu ambil tindakan, pegawai-pegawai pun mempunyai budi bicaranya sendiri. Jangan susahlah Yang Berhormat. Terima kasih.

[*Soalan No. 4 - Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa) tidak hadir*]

KAWASAN BUKIT - KAWALAN PEMBANGUNAN

5. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa ke atas pengawalan pembangunan di kawasan bukit; dan
- (b) jika ada, adakah mereka berhak mengawal pembangunan yang dilaksanakan oleh jabatan kerajaan yang lain. Jika tidak, bagaimana.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk mengawal aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan bukit yang terletak di bawah kuasa tempatan berkenaan.
- (b) Bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh jabatan kerajaan di kawasan pihak berkuasa tempatan, jabatan berkenaan dikehendaki mengemukakan dan berunding cadangan pemajuan dengan pihak berkuasa tempatan. Pemohonan kelulusan pelan bangunan adalah dikecualikan tetapi jabatan kerajaan berkenaan masih perlu mengemukakan pelan bangunan bagi tujuan makluman pihak berkuasa tempatan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun kementerian Yang Berhormat mempunyai kuasa, terdapat banyak tempat di Kuala Lumpur, Kajang, Taiping, Pulau Pinang yang nampaknya lereng-lereng bukit sudah dimajukan dan kadangkala keadaan tidak terkawal. Apakah masalah kementerian untuk mengawal semua kawasan untuk mengelakkan daripada berlakunya tragedi seperti Highland Tower. Adakah Yang Berhormat masih ingat tragedi Highland Tower kerana pembangunan yang tidak terkawal.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang spesifik mana projek-projek yang dimajukan dan pemajuan ini tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan tetapi mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 pihak pemaju perlu menghantarkan pelan laporan cadangan pemajuan ini kalau tidak, mereka boleh dihukum dengan RM50,000. Kalau sesuatu pemajuan itu tidak mengikut pelan-pelan yang diluluskan dari segi pemeliharaan pokok, dari segi pemeliharaan topografi dan sebagainya.

Oleh sebab itu kalau Yang Berhormat ada maklumat yang spesifik tentang sesuatu projek, saya mintalah maklumat ini disampaikan kepada kementerian saya supaya kita

boleh siasat dan akhirnya kita akan mengenakan syarat-syarat atau undang-undang yang sedia kita laksanakan atau mengguna pakai.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan kerana tidak ada jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat sudah kemukakan satu soalan. Hanya satu kali sahaja Yang Berhormat.

Tuan Yeong Chee Wah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini di kawasan saya iaitu Kampung Baru Jelapang, terdapat satu projek perumahan yang mana kontraktor itu memotong bukit untuk tujuan pembinaan perumahan. Tanah-tanah dan lumpur-lumpur dari bukit itu jatuh dan menutup Sungai Kati. Akibatnya banjir berlaku walaupun hujan yang tidak begitu hebat. Tetapi pegawai pihak berkuasa tempatan menyatakan bahawa mereka tidak ada hak untuk mengawal dan menghentikan projek itu. Saya ingin tahu apakah nasihat dan tindakan yang sewajarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengatasi masalah ini. Dan saya juga ingin tahu berapa kes pemotongan bukit-bukau untuk tujuan pembangunan telah dikenal pasti dan dibawa ke mahkamah oleh pihak kementerian Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Mengenai nasihat, bolehlah kalau Yang Berhormat berhubung dengan saya selepas ini, kita akan meneliti pihak berkuasa mana yang berkenaan, yang tidak boleh menjalankan tugas mereka dan kita akan siasat perkara ini. Sebenarnya semua pihak berkuasa tempatan telah diberi garis panduan untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Dan kalau ada yang tidak menjalankan tugas mereka, maka ada berlaku sesuatu kecuaiian dan kalau begitu kita akan mengambil tindakan.

Mengenai angka-angka yang diminta oleh Yang Berhormat tadi tentang berapa kawasan, saya tidak ada angka ini, dan berapa yang dihadapkan ke mahkamah pun, buat masa sekarang tidak ada angka. Tetapi saya rasa angka ini kita boleh dapati kalau saya balik ke kementerian, minta pegawai untuk mengumpulkan angka-angka ini.

TERNAKAN LEMBU - LANGKAH PEMBIAKAN

6. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil bagi pembiakan ternakan lembu; dan
- (b) dari manakah kementerian mengimport daging dan harganya bagi tiap tahun 1996, 1997 hingga bulan Jun 1998.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian melalui agensinya Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi pembiakan ternakan lembu. Langkah-langkah yang dimaksudkan ialah membekalkan baka lembu berkualiti, menggalakkan penggunaan pernianan berhadass, memberikan perkhidmatan veterinar proaktif, memberi latihan kesuburan ternakan, menjalankan penyelidikan pembiakbakaan atau breeding, dengan izin, dan membiak baka lembu berkualiti. Dari segi sistem pengeluaran pula, fokus kementerian ialah bagi menggalakkan sistem pengeluaran ternakan lembu secara integrasi dengan tanaman kekal.
- (b) Sehingga kini Malaysia telah mengimport daging dari negara-negara Argentina, Australia, Kanada, China, Holland, India, New Zealand, Thailand, USA, Uruguay dan Zimbabwe. Harga daging import yang

direkodkan berdasarkan nilai purata CIF adalah berbeza mengikut negara pengeksport. Kadar harga bagi tahun 1996 misalnya di antara RM2.80 hingga RM20.69 sen sekilogram. Manakala bagi tahun 1997 kadar harga bagi setiap kilogram ialah di antara RM3.91 hingga RM25.58 dan untuk tahun 1998 kadar harga ialah di antara RM3.81 hingga RM28.3 sen bagi sekilogram daging CIF.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha untuk mempertingkatkan bekalan daging di pasaran tempatan, kebanyakan perancangan dibuat oleh pihak individu dan juga persatuan-persatuan pertanian ataupun penternak di kampung-kampung untuk membesarkan ternakan mereka. Saya ingin bertanya setakat ini bagaimanakah dan apakah kedudukan hubungan antara Jabatan Haiwan dengan kerajaan negeri kerana terdapat masalah permohonan untuk mendapatkan kawasan padang ragut ataupun ternakan menjadi begitu bermasalah kerana kebanyakan permohonan dikemukakan melalui Jabatan Haiwan telah tidak diperkenankan oleh kerajaan negeri dan bagaimanakah langkah kementerian untuk menyelesaikan masalah ini agar pihak yang berhajat dan berkeinginan untuk membesarkan ternakan mereka dapat menyelesaikan masalah, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Sebagaimana yang telah saya terangkan tadi bahawa dasar kita ialah untuk melahirkan projek integrasi tanaman kekal khususnya sawit dengan ternakan-ternakan lembu. Manakala di padang ragut yang ada itu sebenarnya untuk tambahan makanan kepada pelepah dan daun sawit yang diusahakan. Apa yang kita lakukan ialah padang ragut yang besar-besar pada masa ini memang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan juga Kementerian Pertanian. Kalau sesuatu tanah itu dipersetujui oleh kementerian dan kerajaan negeri maka barulah tanah yang berkenaan boleh disewakan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Tetapi apa yang penting di sini ialah ladang kelapa sawit kita ada 1.2 juta hektar seluruh negara kita amat sesuai untuk dijadikan lapangan ternakan lembu ini.

Apa yang penting ialah Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk memberi bimbingan kepada penternak-penternak kerana selain daripada pembiakan menerusi nature iaitu dengan cara perkahwinan biasa, maka perkahwinan yang kita galakkan ialah suntikan pernian beradas, kerana kita tengok mutu suntikan kita ini agak kurang berjaya. Pada tahun 1996 misalnya kita telah beri suntikan sebanyak 17,754 suntikan tetapi yang buntingnya hanya 5,133 sahaja. [Ketawa] Lebih kurang dalam 30% lebih. Tetapi dengan kegigihan Jabatan Haiwan tahun 1997 kita dapat tingkatkan kebuntingan ini, iaitu 18,802 suntikan, buntingnya 8,896. Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat kempenlah supaya bunting makin banyak untuk keperluan negara kita.

Tuan Yunof Edward Marinking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita semua sedar bahawa masalah daging lembu dari England misalnya mempunyai implikasi yang buruk bila dilanda meat cow disease. Jadi persoalannya, apakah langkah-langkah kerajaan dari segi penyelidikan agar kemungkinan penyakit lembu ini tidak merebak ke negara kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak berapa memberi perhatian semasa saya menjawab. Saya menjawab tadi daging diimport dari sebelas buah negara, tidak ada pun sebut England ataupun dari Eropah cuma sebuah negara sahaja iaitu Holland yang lain itu tidak ada.

Jadi, tidak usah bimbang Yang Berhormat, tak payah ambil langkah-langkah sebab daging itu memang kita tidak import masuk ke negara kita.

**KEMPEN-KEMPEN KERAJAAN -
PERANAN TV DAN RADIO SWASTA**

7. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah kementerian telah berpuas hati dengan syarikat-syarikat TV dan radio swasta di negara ini dalam usaha-usaha membantu kerajaan menyelesaikan masalah seperti kempen-kempen memerangi kegawatan ekonomi dan kekurangan air di Lembah Klang. Sila nyatakan program-program berkaitan (jika ada).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang kementerian berpuas hati dengan usaha dan sumbangan daripada stesen penyiaran swasta dalam menangani masalah kegawatan ekonomi dan kekurangan air yang melanda negara sekarang. Kementerian ini akan terus memastikan agar stesen penyiaran akan terus memainkan peranan dan tanggungjawab sosial dalam membantu kerajaan menangani masalah sekarang. Sebagai usaha tambahan, kementerian telah menetapkan syarat di dalam syarat lesen penyiaran supaya stesen penyiaran menyiarkan siaran khidmat awam sekurang-kurangnya dua minit bagi satu jam penyiaran.

Di antara rancangan-rancangan atau siaran khidmat awam, sama ada yang diterbitkan oleh jabatan kerajaan atau swasta yang disiarkan ialah:

- (a) Kempen Kurangkan Penggunaan Gula.
- (b) Kempen Jimat Air.
- (c) Bertani Ke Arah Kesejahteraan.
- (d) Bullish On The Bouncing Back, dengan izin.
- (e) Kempen Anti Rasuah dan sebagainya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kementerian Penerangan kerana telah menyediakan beberapa panduan kepada syarikat-syarikat radio dan televisyen swasta. Soalan saya bagaimanakah kementerian memantau supaya syarikat-syarikat radio dan TV swasta ini mematuhi dan mengikut segala syarat-syarat penyiaran yang telah pun ditetapkan kerana hari ini kita dapati terlalu banyak syarikat-syarikat radio dan TV ini menyiarkan rancangan-rancangan yang kurang sesuai dengan selera kebudayaan di Malaysia ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan rakan saya dari Tanjong Karang, memang kementerian telah mewujudkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang melibatkan pengusaha-pengusaha sama ada ASTRO mahupun TV3 dan juga Metro Vision dan saluran-saluran yang lain untuk memastikan agar setiap syarat yang kita kenakan kepada mereka dapat dipatuhi.

Sekiranya mereka tidak dapat mematuhi syarat-syarat yang telah kita kenakan, maka kita sering memberi amaran yang keras kepada mereka, setakat ini kita telah beberapa kali memberi teguran yang keras, namun kita tidak menarik balik lesen, namun kuasa itu ada kepada menteri untuk mengambil tindakan yang keras, sekiranya kita dapati bahawa mereka melanggar dasar-dasar yang bercanggah dengan yang kita jalankan sekarang.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menggalak syarikat TV atau stesen TV dan radio swasta dan kerajaan supaya mereka memainkan peranan yang lebih proaktif dalam mewujudkan kerjasama dengan stesen TV di luar negeri seperti CNN dan aspek memberi input atau program-program supaya mereka dapat memberi penyiaran dan liputan tentang

gambaran yang lebih positif mengenai dengan perkembangan di Malaysia dan bukannya selama ini cuma aspek negatif yang disiarkan oleh stesen swasta luar negeri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, baru-baru ini ada seorang usahawan yang datang mewakili CNN berjumpa dengan pihak kementerian kita untuk meninjau tentang langkah-langkah yang hendak kita perbaiki.

Selain dari itu, kita memang sedia seperti yang saya beri jawapan dalam minggu yang sudah, kementerian sering memberi penekanan tentang betapa perlunya gambaran yang kita berikan kepada dunia luar tentang kemajuan yang sedang berlaku di negara kita, maka dengan itu kita membuat satu pendekatan seperti usahasama dengan CNN dan kita memberi laporan kepada mereka setiap sebulan dan juga kadang-kadang laporan dalam *World Report* di mana kita beri laporan kepada mereka tentang apa yang berlaku di negara kita dan mereka ini akan sering menerima baik apa yang kita minta kerjasama dari pihak ini.

Namun demikian, pihak kementerian dan juga agensi kita iaitu RTM sering mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak yang lain seperti di Egypt, seperti juga di Eropah di mana kita mengadakan kerjasama yang begitu rapat dengan BBC bagaimana untuk kita mempertingkatkan agar perkembangan di negara kita mendapat saluran siaran yang baik.

CADANGAN KEMAJUAN PROJEK DI KAWASAN SENSITIF - GARIS PANDUAN DAN SYARAT

8. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan garis panduan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas cadangan kemajuan projek (development project) berdekatan atau di sebelah kawasan-kawasan sensitif (environment sensitive area) seperti institusi-institusi pendidikan, agama dan lain-lain. Adakah pihak berkuasa tempatan atau kerajaan negeri perlu mematuhi garis panduan atau syarat-syarat yang ditentukan oleh kementerian.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi projek pembangunan yang tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, satu kajian kesan kepada alam sekeliling (Environment Impact Assessment), dengan izin, perlu dijalankan.

Laporan mengenai kajian ini perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar untuk kelulusan. Kajian EIA ini akan mengambil kira kesan-kesan kepada alam sekeliling termasuk kawasan-kawasan sensitif (environment sensitive area), dengan izin, dengan mengenal pasti jenis projek yang dicadangkan dan jenis impak yang terlibat. Seterusnya dari kajian tersebut, ramalan secara methodology akan dibuat untuk memastikan standard yang ditetapkan dipatuhi. Langkah-langkah tebatan dan kawalan akan diambil sekiranya perlu.

Bagi aktiviti yang tidak tertakluk kepada perintah tersebut, garis panduan penempatan dan zon industri telah disediakan untuk diguna pakai oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi satu jawapan yang merangkumi luas bidangnya, bolehkah saya mengemukakan satu soalan yang khusus sama ada perkara ini ada di bawah perintah yang tersebut. Soalan saya ialah jikalau sesebuah sekolah yang telah wujud ditempat itu 20 tahun dan di tepi sekolah itu ada sebidang tanah yang lapang dan satu pemaju hendak memajukan tempat itu sebagai rumah pangsa yang bertingkat, mungkin sepuluh tingkat,

dua puluh tingkat. Adakah kemajuan ini boleh dikategorikan seperti perintah Yang Berhormat tadi menyebut iaitu kena mengemukakan EIA.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada a siting/penempatan tapak baru dan jauh jaraknya dan semua garis panduan ini telah diberitahu kepada pihak berkuasa tempatan, susahlah bagi kita hendak membuat andaian-andaian di sini, tetapi soal-soal alam sekeliling, persekitaran mesti dijaga. Kita bimbang kalaulah terlampau dekat maka macam-macam boleh jadi, bila rumah yang tinggi ini boleh jadi runtuh, pergi hantar sekolah mati anak-anak murid, nanti murid-murid ini pula suka memanjat rumah tinggi pula dan macam-macam faktor mungkin berlaku. Ini tidak dapatlah kita hendak beritahu ini di sini secara spesifik.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, bila sesuatu permohonan dibuat untuk kemajuan projek

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tolong kuatkan sedikit, jangan bercakap macam bercakap*[Ketawa]*

Seorang Ahli: Suara macam perempuan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Main bola, minum bola, makan/tidur bola.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah bila kemajuan projek dijalankan di mana-mana, di mana isu sensitif yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan di mana EIA diperlukan, adakah pihak penduduk di sana diarahkan untuk mendapat pandangan dan adakah tempat-tempat di mana pandangan telah diberi oleh penduduk-penduduk di mana report EIA, dengan izin, telah di tolak?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ianya bergantung kepada nature tempat itu. Susah bagi kita hendak membuat andaian-andaian di sini, sebenarnya segala pandangan semua pihak akan diterima, akan diambil kira oleh pihak konsultan yang mengkaji tentang hendak menyediakan laporan EIA ini. Perkara ini adalah perkara yang begitu sensitif dan kalaulah pandangan orang-orang di bawahan kebanyakannya tidak bersetuju, maka tentulah pihak konsultan ini akan membuat rumusan yang menunjukkan bahawa tidak sesuai tempat itu pada saya. Takkanlah hendak ditolakkan pandangan orang ramai, kita berdasarkan kepada sistem politik negara (democratic system) yang kita pakaikan ini. Itu sahaja, terima kasih.

PUNGUTAN TOL LALUAN KEDUA JOHOR-SINGAPURA

9. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah yang dipungut daripada tol laluan kedua Johor - Singapura semenjak ianya dibuka sehingga sekarang:

- (a) adakah jumlah pungutan ini menepati sasaran yang diharapkan; dan
- (b) adakah pembinaan laluan kedua ini memenuhi matlamat mengurangkan kesesakan di Tambak Johor.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak kutipan tol dikuatkuasakan di laluan kedua Johor-Singapura pada 17 Mac 1998, sehingga 30 Jun 1998 jumlah kutipan tol di ketiga-tiga Plaza Tol iaitu di Plaza Tol Tanjung Kupang, Plaza Tol Lima Kedai dan Plaza Tol Perling ialah sebanyak RM7.8 juta.

- (a) Jumlah kutipan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan unjuran hasil kutipan tol sebanyak RM11.31 juta bagi tempoh yang sama.
- (b) Selain daripada matlamat membangunkan kawasan Barat Daya Johor projek laluan kedua Malaysia-Singapura adalah bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan di Tambak Johor. Matlamat ini belum lagi tercapai sepenuhnya disebabkan pengguna-pengguna masih memilih Tambak Johor.

Walaupun bagaimanapun pengguna-pengguna sekarang mempunyai laluan alternatif untuk ke negara Singapura. Kerajaan yakin berdasarkan pengalaman lalu di Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Utara-Selatan, bilangan trafik akan meningkat apabila pengguna-pengguna menyedari pelbagai kemudahan yang disediakan di laluan kedua. Kemudahan-kemudahan ini akan memberikan kelegaan dari segi penjimatan masa dan keselesaan perjalanan berbanding dengan penggunaan Tambak Johor.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, antara langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk menaikkan kutipan tol laluan kedua Johor - Singapura untuk memaksa lori-lori mengangkut barang-barang menggunakan laluan kedua Johor-Singapura, sungguhpun ini akan meningkatkan kos dan beban industri pengangkutan khususnya industri lori dan dengan kesan yang sangat buruk dan akan menaikkan kos keseluruhannya akan mencetuskan inflasi dan lain-lain, adakah pihak kerajaan akan menimbang semula sebagai satu langkah untuk menangani kemelesetan supaya arahan yang memaksa lori perlu menggunakan laluan kedua Johor-Singapura dibatalkan supaya mengurangkan kenaikan kos kehidupan keseluruhannya di negara kita.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk membatalkan laluan kedua yang telah dibina begitu

Tuan Lim Kit Siang: Lori-lori yang dipaksa, bukan

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: ...ya, kerajaan tidak ada cadangan untuk menghalang supaya lori - maksud saya, kerajaan akan terus menggalakkan lori-lori menggunakan laluan kedua yang telah dibina kerana keadaan ini seperti yang saya katakan mula-mula tadi memang orang tidak berapa

Tuan Lim Kit Siang: Arahan paksa....

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Oh, no, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Point of order! Apa ini, tidak tahukah, tanya soalanlah.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua, laluan telah dibina untuk memberi keselesaan bagi lalu lintas di antara Malaysia-Singapura kerana pada hari ini kita dapati Tambak Johor begitu sesak sekali. Dua hari yang lalu Kerajaan Negeri Johor juga telah mengambil langkah dan mengarahkan supaya lori-lori berat yang membawa barang-barang berat dimestikan menggunakan laluan kedua. Memang pada mulanya seperti laluan Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Utara-Selatan ramai orang tidak mahu menggunakannya kerana dia mahal dan ada laluan alternatif bagi mereka. Oleh kerana keperluan yang mendesak pengguna-pengguna akhirnya terpaksa menggunakan Jambatan Pulau Pinang dan juga Lebuhraya Utara-Selatan kerana lebih cepat dan selesa. Jadi kalau kita rasakan para pengguna tidak dibiasakan menggunakan laluan kedua sampai bila-bila masapun ianya tidak akan digunakan tetapi akhirnya kita percaya apabila keadaan terdesak mereka sendiri terpaksa

menggunakan laluan kedua apatah lagi jika ianya dimestikan penggunaannya oleh Kerajaan Negeri Johor khasnya memandangkan keadaan yang sesak di Tambak Johor.

Tuan Mansor bin Masikon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kutipan di tiga-tiga tol laluan kedua ini berkurangan daripada unjuran. Saya difahamkan oleh kerana kekurangan kutipan ini PLUS akan mencadangkan supaya dikenakan bayaran letak kereta ataupun parking fees dan bayaran bagi menggunakan kemudahan lain di tempat-tempat rehat di sepanjang lebuh raya. Adakah ini betul dan jika betul, adakah ini dibolehkan di dalam perjanjian konsesi di antara PLUS dengan kerajaan dan apakah rasional daripada tindakan ini?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya belum lagi dibincangkan oleh pihak PLUS dan kerajaan. Walaupun ada cadangan daripada pihak Plus setakat ini dan ianya mungkin akan menimbulkan satu suasana baru apabila ianya dicadangkan kerana tidak pernah dilakukan di tempat lain. Jadi, bukanlah kerana unjuran pendapatan PLUS turun daripada yang sepatutnya. Ini tidak boleh dijadikan alasan untuk mendapatkan pendapatan baru daripada charges yang dikenakan oleh kerana kemudahan yang disediakan.

KUALA LUMPUR '98 - SUKAN KOMANWEL XVI - PENJUALAN TIKET

10. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:
- (a) berapakah peratus tiket bagi Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel XVI yang telah dijual dalam negara dan luar negeri; dan
 - (b) jumlah tiket yang sudah dijual dan apakah langkah yang akan diambil sekiranya sambutan tidak menggalakkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, menurut Sukom Ninety Eight Berhad yang ditugaskan untuk menyempurnakan Sukan Komanwel termasuk penjualan tiket, peratus tiket-tiket yang sudah dijual setakat 18 Julai 1998:

- (a) Bagi domestik hanyalah 3.9%. Bagi pasaran luar negeri pula peratusan tiket yang dijual ialah 2.3%.
- (b) Jumlah tiket yang telah dijual ialah 79,856 sahaja. Langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan jualan ialah:
 - (i) dengan mengadakan 'roadshow';
 - (ii) mengadakan iklan di radio dan T.V.;
 - (iii) memperbanyakkan kaunter jualan;
 - (iv) mengadakan jualan melalui vendor; dan
 - (v) membuat tempahan melalui telefon.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Beri peluang, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab-sebabnya jualan tiket begitu rendah? Adakah berkemungkinan daripada anti Commonwealth Campaign yang diadakan oleh media massa luar negeri. Contohnya, media awam di luar negeri mungkin ada mengatakan masalah jerebu, kekurangan air, kesesakan lalu lintas dan lain-lain.

Kalau ini benar, apakah langkah untuk mengatasi anti Commonwealth Campaign, kalau ada.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, setahu pihak kementerian tidak ada apa-apa kempen anti Sukan Komanwel. Sebenarnya, kemungkinan promosi yang dijalankan oleh pihak Sukom Ninety Eight Berhad pada permulaannya agak lembab terutamanya di luar negara. Namun begitu, dalam masa dua tiga bulan kebelakangan ini semua langkah telah diambil untuk mempertingkatkan lagi promosi dan publisiti di luar dan dalam negara.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini senario tentang penjualan tiket ini.

Pertama, kita mesti ingat, bahawa ada 200 macam tiket yang perlu dijual. Iaitu untuk majlis pembukaan, penutup dan 16 acara yang diadakan yang ditempatkan 23 venue, yang akan dijalankan dalam masa 11 hari. Dan penjualan tiket perlu dibuat untuk 1.24 juta kerusi. Jadi kita perlu sumbangan daripada semua rakyat Malaysia terutamanya sebelum kita mengkaji mengapa tourist tidak datang ke Malaysia ataupun responsnya kurang baik.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan untuk merayu pada semua Ahli Yang Berhormat yang ada termasuk Yang Berhormat dari pembangkang untuk mara ke hadapan dan marilah beli tiket untuk Sukan Komanwel ini.

Memandangkan responsnya yang begitu baik dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk soalan tambahan, saya minta dengan izin, please translate it into action saya nak beritahu di sini tempahan tiket boleh dibuat kalau kita agak malas keluar nak beli tiket, melalui *website:www.ticketexpress.com.my*.

Saya difahamkan oleh agen tiket rasmi iaitu Tiket Ekspres Sdn. Bhd. dalam masa dua hari tiket akan sampai ke pintu pejabat Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun sila buat tempahan melalui hotline 4454455. Saya yakin dengan sokongan yang diberi oleh semua Ahli Yang Berhormat yang ada sama ada untuk diri sendiri, atau kalau ada kawan dari pihak sektor marilah kita beramai-ramai menunjukkan semangat patriotisme dan nasionalisme kita kepada negara. Masa masih ada. Kita tahu fiil orang Malaysia Tuan Yang di-Pertua, last minute baru nak rash beli tiket.

Jadi saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada sokongan yang diberi dan untuk rekod, saya ingin nyatakan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, walaupun tugas kami di Kementerian hanyalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan venue Sukan Komanwel dan ini telah dijalankan dengan begitu memuaskan mengikut target yang ditentukan, namun begitu pihak Menteri Belia dan Sukan telah pun mengambil inisiatif untuk turun ke padang mengadakan satu road show, pergi ke negeri-negeri, berjumpa dengan semua pihak yang terbahit untuk memujuk mereka semua membeli tiket-tiket Sukan Komanwel dan alhamdulillah, setakat ini hasil daripada road show itu kita nampaklah kejayaan dan kami jangka bahawa perangkaan yang diberi ini akan melanjut dalam masa dua, tiga minggu ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Soal Jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 11 hingga 61 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Kemerosotan Situasi Hak Asasi Manusia di Myanmar

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengemukakan Usul yang berbunyi:

“Bahawa dewan ini membenarkan Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Yang Berhormat Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan oleh ramai yang berkehendak disegerakan iaitu mengenai kemerosotan situasi hak asasi manusia di Myanmar [Disampuk] serta Keselamatan Ketua Pembangkang Burma, Aung San Suu Kyi atas sebab berikut:

Situasi hak asasi di Myanmar semakin merosot berikutan lebih kurang 40 ahli Parlimen ditahan dan Aung San Suu Kyi serta para ahli dan penyokong Party National League for Democracy (NLD) semakin dianyai pergerakan mereka disekat sebagai contoh Aung San Suu Kyi telah mengadakan mogok duduk selama 5 hari di dalam keretanya di bahagian barat daya kampung Anyrsu lebih kurang 64 kilometer atau 20 batu dari Yangoon berhadapan dengan sekatan jalan polis sebagai bantahan terhadap tindakan State Peace and Development Council (SPDC) yang menghalang beliau dari berjumpa dengan ahli-ahli partinya.

Situasi di Burma menjadi semakin tegang dalam bulan yang lepas di mana lebih kurang 900 orang telah ditahan sejak NLD mengeluarkan kata dua kepada SPDC supaya menyetujui dengan cadangan mengadakan Mesyuarat Parlimen pada 21 Ogos.

Para Ahli Parlimen NLD dipaksa melapor kepada pihak yang berkenaan siang dan malam dan mereka yang enggan berbuat demikian telah ditahan. Dalam Persidangan Kemuncak ASEAN di Manila hari semalam ialah Hari Selasa 28 Julai, 7 orang Menteri Luar dari New Zealand, Australia, Canada, Jepun, Korea Selatan, Kesatuan Eropah serta Amerika Syarikat telah bertemu dengan rakan sejawat mereka dari Myanmar untuk menyuarakan keprihatian mereka terhadap hak asasi manusia serta menyeru supaya Ketua Pembangkang Aung San Suu Kyi dibebaskan dari sekatan jalan polis selama 5 hari itu.

Malaysia serta Mesyuarat Menteri ASEAN minggu lepas seharusnya mengambil inisiatif yang ketara untuk memupuk proses pendemokrasian serta pendamaian kebangsaan di Burma di samping mengemukakan bantahan terhadap penindasan terbaharu junta tentera Myanmar ke atas kebebasan bergerak Aung San Suu Kyi.

Rancangan Memulihkan Ekonomi Negara atau NERP yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diumumkan oleh Menteri Tugas-tugas Khas Yang Berhormat dari Merbok, Khamis lepas telah menyatakan bahawa krisis mata wang rantau ini telah menunjukkan betapa rapatnya hubungan pasaran-pasaran mata wang serta saham di rantau ini dan bagaimana keadaan politik dan ekonomi negara-negara serantau akan menjejaskan negara-negara yang lain dan atas sebab ini Parlimen Malaysia harus mengadakan suatu perbincangan khas supaya para Ahli Parlimen serta rakyat Malaysia berpeluang untuk mengemukakan rasa keprihatinan kita terhadap perkembangan di Myanmar di samping menyuarakan sokongan kepada yang berikut:

“menghendaki supaya Aung San Suu Kyi dibebaskan dari sekatan jalan polis yang bermula sejak Jumaat lepas dan membolehkan kebebasan bergerak beliau di dalam negerinya sendiri khususnya. Perkara ini membawa kesan ke atas kesihatan beliau;

menyokong ketetapan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Burma dan menyokong seruan NLD supaya Parlimen Burma diizinkan bersidang pada atau sebelum 21 Ogos;

menyeru supaya dibentuk satu Pasukan Petugas Khas ASEAN mengenai Burma untuk:

- mengawal selia perkembangan pendemokrasian dan proses pendamaian negara Burma;
- menggalakkan ahli-ahli ASEAN supaya membantu dengan aktif dalam proses pergerakan demokratik di dalam Burma;
- mengawal selia dan membuat laporan mengenai pengaliran dadah dari Burma serta kegiatan money laundering oleh tuan-tuan dadah.

Menyeru supaya ASEAN meluluskan dasar baru flexible engagement untuk mebolehkan ahli-ahlinya memeriksa membincang, mengkritik dasar-dasar negara semasa sendiri memandangkan dasar-dasar negara-negara ahli ini membawa kesan serantau dan berupaya menjejaskan ekonomi negara-negara ini manakala isu hak asasi manusia merupakan isu yang diambil berat oleh semua orang dan tidak lagi boleh dilihat sebagai hanya hal ehwal dalaman sesebuah negara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada perkembangan yang baru dan Aung San Suu Kyi dipaksa di bawa balik ke rumahnya oleh junta tentera tetapi masalah mengenai hak asasi, situasi asasi masih relevan.”

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat, Ahli dari kawasan Tanjong pada 29 Julai 1998 jam 1.53 petang. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu mematuhi tiga syarat;

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara tertentu;

Syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai; dan

Syarat yang ketiga ialah berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara itu tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Perkara ini adalah satu masalah yang sungguh rumit. Masa yang cukup masih ada untuk kita memikirkan perkara ini supaya apa yang dibuat itu betul dan berkesan.

Seperti yang disebutkan oleh Usul ini dalam persidangan kemuncak ASEAN di Manila pada 28 Julai, tujuh orang Menteri Luar termasuk Setiausaha Negara Amerika dan Kesatuan Eropah selain dari Menteri-Menteri Luar ASEAN telah bertemu dengan rakan sejawat mereka dari Myanmar untuk menyuarakan keprihatinan mereka di atas perkara ini. Setahu saya Menteri-Menteri Luar ASEAN juga turut berbuat demikian. Pada fikiran saya biarlah kita menunggu dahulu akan reaksi dari bantahan ini yang kita berharap akan memberi kesan yang baik. Tambahan lagi sebagai sebuah pertubuhan, ASEAN tidak seharusnya membenarkan mana-mana negara anggota mengambil apa-apa tindakan dengan sendirian. Seharusnya perkara ini diselesaikan oleh semua anggota ASEAN di dalam ASEAN. Tindakan dalam ASEAN itu akan menjadi lebih efektif. Oleh yang demikian saya menolak Usul ini.

USUL**MENANGGUHKAN RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62****RANG UNDANG-UNDANG FRANCAIS 1998**

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menangguhkan Rang Undang-undang Francais 1998 untuk bacaan kali yang kedua kepada mesyuarat yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 1998****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [29 Julai 1998]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta sambung Yang Berhormat.

3.44 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, menyambung balik penggulungan semalam saya teruskan dengan perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Teluk Intan, iaitu beliau bertanya berkenaan dengan kelulusan untuk penjualan harta bankrap. Apakah ia hanya boleh dibuat oleh Pegawai Pemegang Harta di ibu pejabat sahaja atau oleh pihak-pihak yang lain. Di sini saya maklumkan bahawa adalah menjadi polisi jabatan bertujuan untuk mengelak sebarang penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai di cawangan, maka oleh kerana itulah semua sijil hanya dikeluarkan oleh Pegawai Pemegang Harta di ibu pejabat.

Yang Berhormat juga bangkit berkenaan dengan soal carian bagi menentukan status kebangkrapan hanya boleh dibuat di ibu pejabat. Data-data mengenai kes kebangkrapan hanya disimpan di ibu pejabat tiada, online. Perkara ini akan dapat diatasi dengan terlaksananya sistem rujukan maklumat yang akan diswastakan di mana ianya sedang berada di peringkat kelulusan dan penilaian di EPU. Kita akan menswastakan perkara ini.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak. Saya sudah jawab dah , kan saya dah kata iaitu bahawa kita akan swastakan perkara ini. Jadi waktu ini memang susahlah, tetapi apabila swasta nanti ia akan mengatasi masalah ini. Jadi.. ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payahlah, pertengahan, tidak payahlah, kita jawab satu-satu. Yang Berhormat juga cakap berkenaan dengan deposit. Saya telah dengan begitu panjang lebar bercakap semalam, bayaran ini sebenarnya dikenakan untuk membiayai perbelanjaan PPH setelah seseorang itu dihukum bankrap. Dan kalau di syarikat, apabila dia di 'gulung'.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Teluk Intan juga ada membangkit berkenaan dengan apakah tidak boleh bidang kuasa mahkamah untuk mendengar kes-kes kebangkrutan ini dipindah ke Mahkamah Sesyen. Sebenarnya perkara ini boleh kita bincangkan, namun saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa membankrapkan seseorang itu merupakan satu perkara yang last resort. Sebaik-baiknya kita tidak mahu membankrapkan dia kerana setelah, dengan izin the other course of action tidak dapat dilaksanakan barulah kita memikirkan tentang untuk membankrapkan dia. Dan kadangkala apabila soal kebangkrutan ini boleh mendatangkan satu ugutan, menakutkan seseorang itu untuk dia membayar. Jadi sebab itu saya dengar dalam ucapan Yang Berhormat, beliau begitu prihatin iaitu bahawa dengan kegawatan ekonomi ini akan ramai yang akan jadi bankrap.

Jadi sebab itu, kalau terlambat sedikit dalam proses kita hendak membankrapkan orang itu, ianya ada sedikit sebanyak kebaikan sebab memberi ruang kepada mereka, memberi masa untuk mencari wang membayar balik dan keduanya kita tidak begitu gembira melihat kalau terlalu ramai sangat orang yang dibankrapkan.

Yang Berhormat sendiri pun sebut dalam ucapan, jadi kalau Mahkamah Sesyen boleh, kita kata Mahkamah Sesyen boleh dirunding, dibincang untuk memberikan kuasa ini kepada dia tetapi kalau dia mempercepatkan seseorang itu menjadi bankrap maka ini akan bercanggah dengan pandangan Yang Berhormat bahawa ia merasa bimbang terlalu ramai sangat yang jadi bankrap dalam negara kita pada hari ini. Saya ingin menyebutkan di sini bahawa proses kita mempercepatkan Rang Undang-undang ini ialah mempercepatkan untuk melepas orang daripada bankrap. Bukan untuk mempercepatkan orang itu bankrap.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi adakah Yang Berhormat sekarang mengatakan bahawa dasar kerajaan, memandangkan apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa tidak ada sebab-sebab kita mempercepatkan orang-orang yang kes-kes yang ada di mahkamah dimufliskan?

Maka adakah satu dasar sekarang bahawa semua kes-kes yang sedia ada di mahkamah akan ditangguh mengikut apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita tidak ingin rakyat Malaysia menjadi bankrap. Adakah ini satu mesej yang Yang Berhormat ingin beri

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan memberi mesej ataupun cadangan kerajaan, saya sebut dalam ucapan dia semalam, dia merasa prihatin iaitu bahawa banyak sangat orang bankrap. Jadi saya hendak menyatakan di sini dengan proses sekarang ini yang mana hanya Mahkamah Tinggi sahaja yang mendengar kes-kes bankrap

jadi lambatlah sedikit proses hendak membankrapkan orang dan ini sesuai dengan apa yang dia buat penerangan semalam.

Itu bukan saya punya cadangan, jadi Yang Berhormat kena fahamlah sedikit. Saya harap apa yang saya sebut dengar betul-betul, 'jangan letak perkataan dalam mulut' saya. Jadi sudah kata di sini bahawa di peringkat awal lagi saya kata kalau hendak serah kepada sesyen kita boleh runding perkara ini. Ini boleh bincang, cuma saya komen tadi iaitu bahawa kalau lambat orang dikena bankrap jadi itu maknanya bertepatan dengan keprihatinan Yang Berhormat, tidak mahu lebih ramai orang bankrap, saya cuma sebut proses ini sahaja, tidak berbangkit soal hendak lambat hendak percepat. Jadi don't put word in my mouth, dengan izin, sebab dia tidak faham. Telinga dia tersumbat Yang Berhormat, ini masalah dia. Dia tidak reti, kalau dia faham Bahasa Melayu senang. Ha duduk,

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ... saya cakap, saya punya ini, saya sudah jawab

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan..

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: .. awak tidak faham, saya tidak beri jalan.

Tuan M. Kulasegaran: Takut, takut

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak beri jalan, bukan soal takut, saya sudah jawab. Macam ini tidak habislah, sebab you dengan you punya pandangan, saya pandangan saya, saya kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Okey, good.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi selagi saya beri alasan awak tidak terima, awak bangkit, awak tanya balik tidak habis perkara ini. Tidak akan habis, duduk.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah beritahu tadi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak boleh beri muka, kita beri ruang untuk tanya kita beri penjelasan. Walaupun diberi kuasa kita boleh runding, apa lagi masalahnya. Awak duduk diam sudahlah. Tidak boleh beri muka Yang Berhormat Teluk Intan. Tidak ada apa-apa, awak pembangkang, kita kerajaan, rakyat percaya pada kita lagi daripada awak.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun].*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Guan Eng: Melenting saja.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada. Duduk. Jangan cakap banyak. Yang itu tidak lama lagi akan masuk dalam[Ketawa]. Duduk diamlah.

Tuan M. Kulasegaran: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:you hendak masuk.... Tidak apa-apalah. Bising sikit pun tidak apa sebab lepas itu mungkin tidak boleh cakap.

Tuan Yang di-Pertua, kes kebangkrapan Yang Berhormat daripada Teluk Intan berkata, kemungkinan ia akan meningkat akibat kejatuhan saham, jawapannya ya, sebab bukan sahaja di Malaysia, kita tahu di Singapura pun dan jumlah kes kebangkrapan ini akan meningkat bagaimanapun terpulanglah kepada pemiutang/creditor, sama ada untuk mengambil tindakan kebangkrapan ataupun tidak, ini tidak ada mengena dengan PPH. Yang membankrapkan orang ini ialah creditor.

Jadi terdapat banyak 'course of action' dengan izin yang boleh diambil selain daripada kebangkrapan, jadi pemiutang perlu faham implikasi kebangkrapan sebelum mengambil tindakan kebangkrapan ini. Jabatan Pemungut Hasil hanya mentadbir kes selepas seseorang itu dihukum bankrap, dan bukan membankrapkan orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga ada bangkit berkenaan perkara kedudukan kes Ahli Yang Berhormat daripada Jasin. Kes kebangkrapan ini telah dibatalkan oleh mahkamah di atas alasan perintah-perintah kebangkrapan tidak sepatutnya dibuat dengan izin 'ought not to have been made', di bawah seksyen 105, Akta Kebankrapan 1967. Ini bermakna seolah-olah beliau tidak pernah dihukumkan bankrap. Jadi bermakna itu dia tidak akan kehilangan Kerusinyalah.

Tuan Yunof Edward Maringking: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tuan bangun

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab Tuaran, saya hendak jawablah ini, duduk Yang Berhormat, You tak faham Bahasa Melayu, you cakap Kadazan ke Bahasa Melayu? Saya cakap duduk, duduklah Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Duduk Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

Datuk Haji. Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, duduklah, saya tidak beri jalan, sabarlah dulu. [Ketawa] Yang Berhormat daripada Tuaran bertanya berkenaan dengan kuasa Pegawai Pemegang Harta di mana beliau menyatakan bahawa pejabat Pegawai Pemegang Harta memerlukan pegawai-pegawai yang berpengetahuan dalam memastikan dokumen difailkan ke mahkamah mestilah betul. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pegawai-pegawai yang bertugas sekarang telah pun mempunyai pengalaman yang lama bekerja dengan prosedur mahkamah dan maklumat-maklumat yang perlu dibekalkan mereka memahami, dan kalau sekiranya ada berlaku sedikit sebanyak kesilapan itu merupakan bahawa kita ini merupakan orang biasa tidak boleh lari daripada kesilapan yang dibuat. Sebab itu saya ingin menyatakan bahawa pegawai-pegawai kita memang mempunyai pengalaman yang banyak kerana lama bekerja dalam Pejabat Pegawai Pemungut Harta.

Yang kedua, Yang Berhormat ada bertanya berkenaan dengan rekod yang tidak dikemas kini di Jabatan Pemungut Harta, jadi di antara sebab mengapa kita meminda Akta

Kebankrapan ini ialah ke arah untuk memastikan kita dapat mengemaskinikan rekod-rekod di Jabatan Pemungut Harta, sebab itu kita pinda. Pentadbiran masih menggunakan sistem manual. Perkara ini akan dapat diatasi apabila penswastaaan sistem rujukan maklumat undang-undang yang disebut tadi, dan pengurusan kes yang dilaksanakan nanti.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, juga pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia takut pasal balik dari Jasin. Dia tak sebut Tuaran, dia mahu mengelakkan. Jadi persoalannya, tadi Yang Berhormat bila menjelaskan tentang soalan daripada Teluk Intan, seharusnya Yang Berhormat dari Jasin tidak diisytiharkan sebagai muflis. Jadi persoalan saya kelmarin, bagaimana ini boleh berlaku? Oleh kerana kalau Yang Berhormat mengakui bahawa seharusnya Yang Berhormat ahli dari Jasin itu tidak patut diisytiharkan sebagai muflis, tetapi itu sudah berlaku, nama beliau telah tercemar dan sebaliknya telah dibatalkan pula. Jadi adakah peruntukan di dalam undang-undang di mana pengisytiharan itu dibatalkan. Dan kalau ada, bagaimana pihak mahkamah boleh membuat pengisytiharan tanpa usul periksa, kalau betul bahawa Yang Berhormat Ahli dari Jasin telah menjelaskan hutangnya sebelum dia diisytiharkan sebagai muflis seharusnya pihak yang menuntut atau meminta petisyen untuk membankrap itu, menarik balik petisyennya, oleh kerana mungkin affidavitnya itu sudah dulu berubah, tapi kenapa ini tidak dilakukan. Dan sebaliknya diisytiharkan bahawa mahkamah boleh membuat keputusan bahawa pengisytiharan yang awal 'nolens word' dengan izin. Bagaimanakah ini boleh berlaku demikian, terima kasih.

Datuk Haji. Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat Tuaran ini tak takutlah hendak berhadapan, tidak ada masalah. Marilah Teluk Intan ke apa ke, tidak kita takutnya, saya satu penggal dalam Dewan ini dengan Ketua Pembangkang pun boleh bahas tidak ada masalah, lagi jangan duduk perasan sangatlah, sebab bila saya duduk bermakna saya beri jalan, saya tidak takutlah itu. Jadi dia tidak faham inilah masalah dia, ini satu lagi, lain kali kalau duduk itu jangan tidur. Dia bertanya saya bawah seksyen berapa, saya sudah sebut bawah seksyen 105. Lain kali jangan tidurlah Yang Berhormat, saya rasa tidak tidur atau mungkin dia pekak ini, ini masalah dia, kemudian dia cakap kepada saya, sepatutnya dia kata biarlah orang yang petisyen yang menarik, ialah petisyen menarik yang boleh isytihar, petitioner tidak boleh isytihar, saya sebut dalam jawapan saya, iaitu bahawa kes kebangkrapan ini telah dibatalkan oleh mahkamah, kerana mahkamah yang isytihar. Jadi mahkamahlah batal, apa kena mengena dengan petitioner pulak, you lawyer ke, you tak faham ini? Dia hendak suruh, sudah tentulah kalau maknanya petitioner tarik balik dan berbagai-bagai alasan boleh berlaku saya ingat buang masalah bercakap dengan dia. Pertamanya, bercakap Bahasa Melayu pun tak betul, lepas itu dia tidur, tak tidur pun dia pekak. Saya tak mahu ulang-ulang perkara yang telah saya sebut di sini tadi, iaitu bahawa perkara macam kata penarikan balik di bawah seksyen 105 makna dia dibolehkan oleh undang-undang kita dan ini bukan perkara baru berlaku. sudah berlaku banyak kali, bukan satu kali....

Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Maringking : [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Duduk Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah berlaku banyak kali bukan satu kali, kalau kita sebagai peguam, kita amal undang-undang negara kita sudah tentu kita akan lalui kes-kes yang mana pengisytiharan itu di tarik balik, bukan mengisytiharkan sebagai bankrap, ditarik balik, kerana aught not to have been declared bankrupt, ini berlaku. Bukan tidak boleh berlaku, bukan kepada Jasin sahaja. Sebelum ini, saya pun dalam waktu saya menjadi peguam ada dua tiga kes, kita pergi mahkamah dan ditarik balik di bawah seksyen 105, sebab kadangkala waktu di antara kita beri notis bankrapsi

dalam surat khabar jadi belum bankrap lagi baru notis, orang itu dapat notis dia bayar, dia bayar kepada bank, bukan bayar kepada Pegawai Pemegang Harta, sebab belum diisytiharkan bankrap. Jadi kadangkala bayar ke bank, bank tak maklum kepada PPH, kemudian PPH tak tahu dia gazetkan untuk bankrap, walhal duit itu sudah bayar, itu boleh berlaku. Waktu daripada notis dengan gazet satu masa yang lama. Jadi sebab itu Yang Berhormat janganlah bangkit seolah-olah tidak pernah berlaku. Saya tahu Yang Berhormat bukan prihatin sangat soal Jasin itu, saja hendak besar-besarkan kerana hendak beritahu bahawa iaitu boleh kerusi itu kosong di Jasin. Saya tak percaya dia prihatin sangat kepada Ahli daripada Jasin, dia tak pernah sayang, kasih kepada Barisan Nasional.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Hendak beri jalan, dia bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan bohonglah, jangan jadi hipokrit cakap benda-benda yang betul sahaja. Saya tidak percaya bahawa dia prihatin soal Jasin ini, dia tidak prihatin. Kalau boleh dia suka Kerusi itu kosong, ada pilihan raya kecil tapi tak boleh ada sekarang sebab sudah dua tahun tak boleh. Tidak usah Yang Berhormat, jangan jadi hipokrit di sini. Dalam Dewan cakap benda-benda yang betul. Saya hendak jawab benda yang betul. Jangan main-main politik, jangan jadi hipokrit. Saya akan jawab apa yang betul, jadi jangan, dengan izin 'do not be hypocrite', Yang Berhormat saya habis soalan itu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Seterusnya saya hendak menjawab, Teluk Intan sudah habis, soalan daripada Tuan pun sudah habis, jadi saya pergi pada Yang Berhormat daripada Batang Lupar, yang mana dia bertanya bahawa bidang kuasa memberi sijil adakah semuanya diberi kepada semua pegawai kuasa ini. Jawapannya ialah bahawa hanya kepada Pegawai Pemegang Harta sahaja, seorang sahaja dan tidak kepada yang lain. Yang Berhormat daripada Batang Lupar juga bercakap apakah yang berlaku selepas tempoh dua tahun di bawah seksyen 33A 4(d). Kes-kes tersebut akan dikaji semula oleh PPH untuk kemungkinan dikeluarkan sijil pelepasan jika mahkamah buat perintah di bawah seksyen yang disebut ini.

Yang ketiga, Yang Berhormat dari Batang Lupar ada bertanya apakah yang dikatakan hutang-hutang kepada kerajaan. Hutang-hutang kepada kerajaan ialah cukai pendapatan, cukai kastam, pinjaman perumahan, kereta bagi kakitangan kerajaan dan lain-lain.

Yang Berhormat juga bertanya sejauh manakah pengeluaran sijil ini akan memberi kesan kepada sistem kewangan negara memandangkan pihak institusi kewangan tidak akan mendapat bayaran penuh. Adakah ini diwujudkan untuk menyesuaikan dengan keadaan ekonomi sekarang. Jawapannya ialah tindakan kebangkrapan bukan seperti tindakan debt recovery yang lain, kebangkrapan bukan bertujuan untuk debt collecting. Apabila institusi kewangan mengambil tindakan kebangkrapan mereka mesti bersedia untuk menerima apa sahaja yang ada pada sibankrap yang dapat dihasilkan oleh PPH sungguhpun ianya tidak mencukupi untuk menyelesaikan hutang. Pindaan ini tidak mempunyai kesan kepada sistem kewangan negara kerana dari dahulu hingga sekarang prinsip kebangkrapan ini adalah sama dan dilaksanakan.

Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya iaitu orang yang dihukum bankrap tanpa diketahui olehnya kerana namanya telah digunakan, apakah tindakan yang boleh diambil. Perkara ini tidak ada kaitan dengan PPH, ianya adalah di antara petitioner dan orang yang dipetitionkan. PPH hanya ambil alih setelah seseorang itu dihukum bankrap.

Jadi itu luar daripada keupayaan kita. Yang Berhormat juga bertanya adakah siasatan dibuat di BSKL mengenai pemilikan saham oleh sibankrap. Jabatan Pemungut Hasil ada persefahaman dengan Malaysian Central Depository (MCD) yang mana nama-nama orang yang dihukum bankrap akan dihantar ke MCD secara berperingkat. MCD akan memberitahu Jabatan Pemungut Hasil jika mana-mana bankrap ada CDF account dan tindakan untuk menghasilkan saham akan dibuat oleh PPH. Jumlah kes yang terlibat tidak dapat diberi pada waktu ini.

Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara bertanya berkenaan dengan seksyen 176, sebenarnya soalan Yang Berhormat itu ada dijawab pada 20.7.98 secara bertulis, jadi saya tidak perlu bacalah kerana di situ merupakan jawapan kepada apa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada hari semalam.

Yang akhir sekali saya hendak menjawab soalan daripada Kepong, Kepong dia tidak percaya kepada PPH, sebab dia kata PPH ini lebih apakah arif daripada mahkamah. Dia mencadangkan, mungkin dia merasa demikian sebab baru ini ada KOKS kempen jadi banyak pendapat daripada bawah tidak diambil kira, kerana Setiausaha Agung punya pendapat sahaja yang dia ambil kira. Jadi pengalaman itulah yang menyebabkan dia takut kemungkinan PPH ini akan buat perkara yang sama, takkan dengar cakap orang yang di bawah, dan beliau mencadangkan supaya wujudkan satu lembaga untuk mengkaji kes-kes untuk diberikan pelepasan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa cadangan beliau itu adalah tidak bernas dan dia bertentangan dan langsung tidak membantu semangat dan alasan Akta Kebankrapan ini dipinda sebab kita pinda Akta ini, Tuan Yang di Pertua, kerana hendak mempercepatkan proses. Kalau kita ada lembaga, ini bermakna bahawa kalau dalam lembaga ada lima, enam orang hendak minta satu tarikh untuk mereka bersidang, itu akan menjadi masalah, kerana mahkamah lambat bersidanglah kita hendak memberi kuasa kepada PPH. Kalau kita ada lembaga ini pula, lantik lima orang, kita hendak minta tarikh mereka bersidang, ini akan melambatkan proses, jadi dia tak membantu langsung untuk mempercepatkan proses membuat pelepasan ini. Tak payahlah Yang Berhormat, kita ada rang undang-undang lain lagi. Saya jawab ini, maknanya cadangan tak bernaslah, memang tak bernas kerana ia bertentangan dengan alasan kita hendak meminda ini. Kita meminda kerana hendak mempercepatkan, bukan memperlambatkan, ini satu lagi level, jadi saya tak beri jalanlah. Jadi cadangan itu tidak bernas dan dia bertentangan dan langsung tidak membantu semangat dan alasan Akta Kebankrapan ini.

Selain dari itu pula, dengan ada lembaga ini kosnya akan bertambah. Sebab waktu ini kita tidak ada kos, maknanya memang gaji PPH kita bayar, tetapi kalau kita ada lembaga, ahli lembaga ini, kena bayar perbelanjaan dia datang mesyuarat lembaga, takkan dia buat kerja free, bayar dia lagi elaun, bermakna kosnya bertambah. Tujuan kita mengadakan pindaan ini untuk mengurangkan kos. Sebab itu Yang Berhormat, cadangan itu tidak bernas. Sebab itu saya rasa dukacita sedikitlah, saya mengharapkan satu cadangan daripada Ahli Parlimen yang dua tiga penggal di sini, biarlah cadangan yang baik. *[Disampuk]* Enam penggal? Jadi tak payahlah Yang Berhormat, kita ada banyak kerja lagi.

Tuan Yang di Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jawabkan dan kalau sekiranya ada perkara yang tidak saya terjawab saya mohon maaf, boleh berjumpa saya selepas ini dan kita boleh memberikan jawapan yang bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Fasal 3 -

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di Pertua, pindaan adalah seperti berikut:

Fasal 3 Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen 33A(2) yang dicadangkan dengan subseksyen yang berikut:

“(2) The Official Assignee shall not issue a certificate discharging a bankrupt from bankruptcy under subsection (1) unless a period of five years has lapsed since the date the receiving order and the order by which he was adjudged bankrupt were made.”

Pindaan kepada subseksyen 33A(2) ini adalah pindaan penggubalan untuk melaksanakan keputusan kerajaan.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sekarang terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 3 sepertimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) ditubuhkan di bawah Akta LOFSA 1996 dan berkuatkuasa mulai 15 Februari 1996. Akta tersebut mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai fungsi dan kuasa-kuasa LOFSA sebagai sebuah agensi sehati untuk menyelaras, mengawal selia serta memajukan aktiviti kewangan luar pesisir di Labuan. Selaras dengan strategi membangunkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC),

beberapa tindakan telah pun diambil bagi memperkenalkan aktiviti baru serta menyelaraskan aktiviti kewangan luar pesisir di Labuan seperti meminda Akta Luar Pesisir.

Dalam tempoh 1996 hingga 1997 pindaan-pindaan telah dibuat kepada Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dan Akta Bank Luar Pesisir 1990. Beberapa akta baru telah diwujudkan, iaitu Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996, Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997 dan Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997. Selaras dengan usaha di atas, LOFSA berpandangan bahawa pindaan perlulah juga dibuat kepada beberapa peruntukan di dalam Akta LOFSA 1996 untuk mencerminkan perkara-perkara berikut:

- (i) memperkukuhkan kuasa penyeliaan LOFSA ke atas institusi kewangan di Labuan seiring dengan amalan pihak-pihak berkuasa kewangan di pusat-pusat IOFC yang terkemuka;
- (ii) memperkemas peruntukan yang dianggap mengelirukan serta menimbulkan masalah pentadbiran atau yang mengurangkan keberkesanan LOFSA dalam mengawal selia aktiviti kewangan luar pesisir di Labuan IOFC;
- (iii) memperluaskan skop aktiviti perniagaan kewangan luar pesisir di Labuan IOFC secara selaras dengan objektif penubuhan LOFSA secara amnya; dan
- (iv) mengambil kira dasar terkini kerajaan di bawah peruntukan-peruntukan tertentu Akta LOFSA 1996.

Secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Kuasa pemeriksaan – seksyen 4 Akta LOFSA 1996 memberi kuasa kepada LOFSA mentadbir dan menguatkuasa pelbagai perundangan luar pesisir di Labuan. Walau bagaimanapun, Akta LOFSA 1996 tidak mempunyai peruntukan khusus yang membolehkan LOFSA membuat sebarang pemeriksaan dan penyiasatan jika diperlukan dalam keadaan tertentu. Sehubungan dengan itu, LOFSA perlu diberi kuasa untuk berbuat demikian dalam Akta LOFSA 1996.
- (ii) Kuasa memperoleh maklumat – pada masa ini LOFSA tidak mempunyai kuasa statutory untuk meminta maklumat daripada peserta-peserta luar pesisir selain daripada yang telah diperuntukkan di bawah peruntukan tertentu undang-undang luar pesisir. Kekurangan ini telah dijadikan isu dan digunakan sebagai bantahan semasa LOFSA memohon untuk menyertai Kumpulan Penyelia-penyelia Perbankan Luar Pesisir ataupun dengan izin, Offshore Group of Banking Supervisors. Kebanyakan pusat luar pesisir terkemuka mengamalkan regim pengawalseliaan yang lebih ketat melalui kuasa mendapatkan maklumat untuk mengelakkan peserta-peserta luar pesisir dari terlibat dengan aktiviti haram. Dengan itu kuasa sedemikian penting bagi LOFSA menjaga imej baik Labuan sebagai IOFC.
- (iii) Kuasa kepada LOFSA untuk menyampaikan maklumat tertentu kepada pihak lain – pada masa ini tiada peruntukan khusus yang memberi kuasa kepada LOFSA sekiranya ia mengesyaki satu kesalahan yang telah dilakukan untuk menyampaikan maklumat yang telah dikumpul atau diterima kepada pihak berkuasa atau orang yang ada kuasa untuk menyiasat atau boleh menguatkuasakan undang-undang. Sehubungan itu, pindaan perlu dibuat bagi membolehkan LOFSA menyampaikan

maklumat yang diperlukan kepada pihak berkuasa tempatan atau asing apabila LOFSA berpuas hati terdapat asas-asas yang munasabah bagi satu kesalahan yang telah dilakukan. Kuasa tersebut akan berkuatkuasa sepenuhnya dan mengatasi peruntukan-peruntukan lain dalam Akta LOFSA 1996 atau kesemua Akta Luar Pesisir serta undang-undang bertulis yang lain. Pada masa yang sama LOFSA berkuatkuasa menyemak atau memeriksa buku-buku, dokumen-dokumen atau rekod-rekod peserta luar pesisir untuk memastikan kesahihan sesuatu maklumat yang diberi.

- (iv) Kuasa kepada lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan bagi mewujudkan satu dana kebajikan kakitangan – dana tersebut akan digunakan bagi tujuan kebajikan kakitangan LOFSA dan tanggungan sepertimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Peruntukan yang sama terdapat dalam Akta Bank Negara Malaysia 1958 untuk kebajikan kakitangan Bank Negara Malaysia.
- (v) Kuasa kepada LOFSA untuk menubuhkan atau memegang kepentingan dalam badan korporat – pada tahun 1997 Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan penubuhan Pasaran Wang Antarabangsa Islam Labuan (ALIM) yang menyediakan kemudahan untuk institusi kewangan menyelaraskan portfolio jangka pendek berasaskan prinsip syariah. Pada 1 April 1998 Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997 mula berkuatkuasa dan membenarkan penubuhan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan, iaitu Labuan International Financial Exchange (LIFE), dengan izin.

Dengan penubuhan ALIM serta LIFE, LOFSA perlu memegang kepentingan dalam syarikat berkenaan untuk mengadakan pasaran dan menggalakkan penyertaan peserta-peserta luar pesisir seperti Bank Pembangunan Islam, IDB serta menunjukkan komitmen kerajaan untuk membangunkan instrument kewangan secara Islam. Kuasa dan peruntukan yang sama juga telah diberi di bawah seksyen 22A Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk menubuhkan badan korporat bagi menjalankan penyelidikan dan latihan mengenai industri sekuriti tertakluk kepada persetujuan Menteri Kewangan. Kebenaran kepada LOFSA untuk memegang ekuiti dalam syarikat berkenaan hendaklah juga dengan persetujuan Menteri Kewangan terlebih dahulu.

- (vi) Kuasa kepada lembaga bagi membuat garis panduan. Kuasa ini diberi kepada LOFSA untuk membuat garis panduan kepada institusi-institusi bank dan insurans berkaitan dasar yang perlu dipatuhi, cara perjalanan perniagaan, amalan-amalan yang berhemat dan hal-hal lain yang berkaitan dengan penyeliaan dan peraturan perbankan luar pesisir, pengurusan dana industri insurans dan aktiviti-aktiviti luar pesisir lain yang dibenarkan atau dikawal selia oleh LOFSA.

Pindaan Akta LOFSA 1996 dijangka menggalakkan lagi perkembangan aktiviti luar pesisir serta menambah daya saing Labuan sebagai IOFC yang terulung di rantau ini. Dengan pindaan akta ini segala urusan pentadbiran LOFSA akan menjadi lebih lancar manakala aktiviti perniagaan, aktiviti luar pesisir pula akan menjadi lebih telus, terkawal dan teratur untuk menjadikan Labuan sebagai IOFC bukan sahaja berdaya maju bahkan terhindar dari aktiviti yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K.Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Labuan.

4.22 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998.

Pertama, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kementerian dan juga LOFSA kerana berjaya membawa pindaan ke Dewan pada hari ini. Bagi saya adalah mungkin merupakan cetusan idea di antara LOFSA dan juga para pengguna perkhidmatan luar pesisir Labuan dan menghasilkan beberapa perkara yang boleh meningkatkan lagi keupayaan Labuan berfungsi sebagai sebuah pusat kewangan yang unggul. Saya berjanji tidak akan mengambil masa Dewan yang banyak seperti yang dinasihatkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam supaya cakap pendek sahaja, saya akan membangkitkan beberapa isu yang saya fikirkan penting dibahas dan mendapat penjelasan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan Labuan telah pun kita maklum diisytiharkan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir pada tahun 1990. Kini sudah berusia hampir 8 tahun dan tidak kurang daripada 8 akta yang telah digubal dan dibahas di Dewan yang mulia ini termasuklah beberapa pindaan kepada akta-akta yang sedia ada. Bagi membolehkan aktiviti dan juga operasi berkaitan dengan industri perkhidmatan luar pesisir dijalankan di Wilayah Persekutuan Labuan. Kini, IOFC Labuan telah mencatatkan pertumbuhan yang boleh kita banggakan. Bukan sahaja kerana ia sudah mula mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan juga peningkatan yang paling ketara bagi saya ialah di mana sudah ramai pelabur menubuhkan syarikat. Kalau saya tidak silap lebih daripada 1,600 buah syarikat telah ditubuhkan di Labuan.

Pengiktirafan ini juga dapat dilihat daripada bilangan bank-bank yang bertaraf dunia yang telah ditubuhkan di Labuan – top ten world biggest bank, dengan izin, telah ditubuhkan di Labuan dan saya dimaklumkan bahawa sudah 18 daripada 20 world biggest banks telah pun mungkin diberikan lesen untuk beroperasi di Labuan. Malah, sudah nampak peningkatan penubuhan bank serantau seperti daripada negara Singapura, Taiwan dan juga Hong Kong yang memberikan perkhidmatan perbankan luar pesisir bagi rantau Asia Pasifik.

Di samping itu, aktiviti luar pesisir yang lain juga turut berkembang seperti industri insurans luar pesisir, perkhidmatan dan juga guaman dan pembangunan instrument kewangan Islam sebagai niche kepada IOFC Labuan. Kita ucapkan tahniah kepada LOFSA kerana dapat membangunkan instrument kewangan Islam ini dan mungkin, insya-Allah akan menjadi pusat kewangan Islam yang terunggul di dunia dan akan menjadi contoh dan boleh digunakan oleh negara-negara Islam khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian sekali lagi dan juga LOFSA atas usaha mereka bagi menjayakan Labuan sebagai IOFC dan semenjak Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir LOFSA beroperasi, sejak 1 Mac 1996 kini sudah hampir dua tahun setengah, LOFSA telah berjaya menjadi agensi sehenti untuk mengawal selia kegiatan dan juga operasi industri perkhidmatan kewangan luar pesisir dan juga untuk mengawasi aspek pembangunan dan

penggalakan IOFC di Labuan sebagai objektifnya. Sememangnya usaha LOFSA ke arah menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan yang berwibawa dikawal selia begitu baik, dinamik dan aktif sudah mula mempamerkan kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, LOFSA yang ditubuhkan melalui akta yang kita bahaskan pindaannya hari ini telah menunjukkan keberkesanannya di mana pada tahun lalu sebanyak 69% peningkatan jumlah syarikat luar pesisir diperbadan dan juga didaftarkan di IOFC Labuan yang juga telah dapat menarik lebih daripada 64 buah bank luar pesisir. Walaupun ianya baru berusia kurang daripada 8 tahun, malah telah dapat mengatasi rekod beberapa pusat-pusat IOFC yang ada di negara-negara lain yang telah lama diwujudkan dan dalam konteks ini saya rasa adalah tidak keterlaluan kalau kita berikan pujian kepada LOFSA khususnya kepada ketua pengarahnya yang begitu dedikasi dan komited bagi menjayakan IOFC di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1997 adalah tahun yang membanggakan bagi IOFC Labuan. Sudah tentu tahun 1998 ini akan lebih mencabar kerana situasi ekonomi serantau yang rata-rata gawat ekonominya dan kita sedang berada dalam gigitan kegawatan ekonomi ini. Saya ingin tahu kedudukan bank-bank luar pesisir yang terkini. Adakah bank-bank luar pesisir yang berada di Labuan juga turut gawat kerana saya difahamkan mengikut pecahan peminjam daripada bank-bank luar pesisir Labuan didapati sebanyak 67% adalah terdiri daripada peminjam pemastautin dan 33% bukan pemastautin dan kalau peminjam-peminjam ini adalah terdiri daripada para peniaga yang kini juga meminjam dari bank-bank dalam negara yang kita sedia maklum juga menghadapi masalah kewangan dan juga masalah untuk membayar balik hutang. Saya khuatir mungkin bank-bank luar pesisir ini juga akan menghadapi masalah kerana kita maklum 67% peminjam adalah terdiri daripada pemastautin Malaysia. Jadi, kita minta kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan.

Saya juga ingin tahu dalam kedudukan ekonomi sekarang ini, berapakah bilangan syarikat-syarikat luar pesisir yang telah membuat penggulungan dan bilangan syarikat baru yang telah pun diperbadankan dan berapa pula jumlah deposit dan juga pinjaman dalam sistem perbankan luar pesisir yang terkini. Persoalan seterusnya saya rasa persoalan pokok yang perlu dijawab. Saya ingin tahu apakah IOFC Labuan boleh bertahan dalam keadaan kegawatan ekonomi semasa dan keadaan ekonomi serantau yang tidak menentu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada rang undang-undang yang dipinda pada hari ini yang mana ianya merupakan satu usaha berterusan kerajaan ke arah memperkukuh kuasa penyeliaan memperkemas peruntukan dalam akta ini dan meluaskan skop aktiviti perniagaan IOFC Labuan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sebentar tadi.

Setelah membaca dan meneliti pindaan rang undang-undang ini saya dapati ada dua perkara yang perlu mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya berpendapat dua perkara yang akan saya sebutkan ini kerana saya mempunyai 'reservation', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, terhadap dua isu tersebut dan saya percaya pengguna dan pengamal di dalam industri luar pesisir juga meragui terhadap pindaan Fasal 3 Seksyen 4 yang memperuntukkan subseksyen (5) yang memberi kuasa kepada LOFSA yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bagi membuat garis panduan kepada institusi bank-bank dan juga insurans luar pesisir berhubung dengan dasar cara untuk menjalankan perniagaan, amalan berhemat yang hendak diikuti dan mana-mana perkara lain yang berhubung dengan pengawasan dan pengawalseliaan bank luar pesisir, pengurusan kumpulan wang, industri insurans dan aktiviti-aktiviti IOFC yang lain yang dibenarkan atau dikawal selia.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir akan timbul terlalu banyak dasar yang akan dikeluarkan dan kemungkinan ianya akan bercanggah dengan undang-undang yang sedia

ada dan yang ada hubungkait dalam aktiviti-aktiviti perkhidmatan luar pesisir di Labuan. Seterusnya ini bermakna sebarang penggubalan dan pemakaian satu dasar baru atau yang digubal semula tidak lagi memerlukan kelulusan Menteri dan peruntukan ini juga tidak dikehendaki supaya sebarang dasar yang dibuat itu dengan terlebih dahulu diwartakan sebelum ianya dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan baru subseksyen (5) ini akan memberi kuasa dan membolehkan LOFSA membuat peraturannya sendiri walaupun di luar undang-undang yang diluluskan dalam Dewan yang mulia ini dan ianya akan dikuatkuasa kepada pengguna di IOFC Labuan. Subseksyen ini juga tidak memperuntukkan keperluan untuk mendapatkan sebarang kebenaran terlebih dahulu daripada mana-mana pihak sebelum sesuatu pindaan dasar dibuat. Malah tidak ada had yang diberikan sejauh mana LOFSA mentadbir dan mengarah semua pengguna di IOFC Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pindaan ini mungkin akan mendatangkan kesan yang negatif kepada industri luar pesisir kerana pindaan ini akan mendatangkan keraguan atau 'uncertainty', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa sebarang peningkatan ke atas tahap 'uncertainty', dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang berkaitan dengan produk-produk IOFC akan dilihat sebagai faktor-faktor negatif oleh bakal pelabur. Ini dibuat semasa mereka membuat penilaian untuk memilih satu-satu IOFC dari kalangan berpuluh-puluh pusat kewangan luar pesisir yang ada di dunia ini dan tentunya sebuah IOFC yang paling minimum birokrasinya akan menjadi tarikan.

Oleh yang demikian, saya beranggapan bahawa peruntukan ini adalah kaunter 'productive', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan dalam konteks pembangunan Labuan sebagai IOFC yang kompetitif di kalangan Offshore Jurisdiction, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat ulasan lanjut dan kalau boleh meyakinkan saya tentang keraguan saya terhadap pindaan ini. Hasrat saya semata-mata untuk mahu melihat supaya Labuan sebagai sebuah IOFC yang unggul dan menarik serta kompetitif di kalangan antara IOFC yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin merujuk kepada seksyen 32A yang memperuntukkan seksyen baru 32A ini memberikan kuasa kepada LOFSA untuk mengenakan dan juga memungut fee bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh LOFSA bagi pemberian atau pengeluaran lesen, permit, pendaftaran, kelulusan atau pengecualian yang boleh dibenarkan atau dikeluarkan oleh LOFSA di bawah mana-mana undang-undang fee yang dikenakan ini. Bagi saya adalah merupakan fee tambahan kepada fee yang sudah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini sedang berhadapan dengan situasi gigitan kegawatan ekonomi serantau yang tidak menentu. Hari ini kalau kita lihat indeks pasaran saham di BSKL turun, walaupun pada pagi tadi cuba naik sehingga 390 mata tetapi nampaknya tidak dapat bertahan. Semasa saya masuk ke Dewan ini tadi berada di tahap 386 mata dan kita kluatir ini akan terus menjunam dan jadi tidak perlulah ada sesetengah rakan saya sepatutnya menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri tidak payah cakap apa-apa takut nanti dia terus menjunam. Mungkin kalau tidak payah cakap apa-apa boleh jadi saham kita boleh naik. [Ketawa] Ahli Parlimen sahaja boleh cakap kerana dia tidak ada kesan.

Tuan Yang di-Pertua, ini bagi saya sudah tentu akan mempengaruhi pertumbuhan industri luar pesisir ini, syarikat-syarikat luar pesisir akan lebih berhati-hati dalam membuat pilihan mereka. Bank-bank luar pesisir juga akan mengurangkan dan akan memilih dalam pemberian pinjaman dan mungkin bilangan syarikat-syarikat yang akan menggunakan IOFC Labuan juga akan terus berkurangan. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi sekarang, syarikat dan pelabur akan lebih menumpukan perhatian terhadap kos perniagaan berbanding pada masa-masa lalu. Kalau mahal sedikit pun

mereka terus mengadakan perniagaan kerana sudah pasti akan dapat memperoleh keuntungan tetapi dalam keadaan kegawatan ini para pelabur sudah tentu akan menumpukan perhatian yang lebih terhadap kos bagi menjalankan sesuatu perniagaan.

Saya berpendapat ada dua perkara yang menjadikan pindaan kepada seksyen ini counter productive, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan saya beranggapan bahawa kos yang telah dikenakan kepada pengguna dalam industri luar pesisir ini adalah sudah tinggi dan bagi saya tidak perlu lagi mengenakan fee tambahan. Melihat kepada laporan pendapatan dan juga perbelanjaan tahun 1997 LOFSA sudah memperoleh lebih RM2.8 juta walaupun baru setahun lebih beroperasi di Labuan. Saya tidak tahu berapa kelebihannya pada tahun ini dan mungkin akan mendapat lebih yang lebih banyak lagilah pada masa-masa akan datang kalau banyak lagi pengenalan fee-fee baru pada pengguna IOFC di Labuan nanti.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini ia sekali gus memberi kuasa kepada LOFSA untuk mengenakan sebarang fee ke atas perkhidmatan yang mungkin tidak digunakan oleh kesemua ahli dalam industri luar pesisir ini atau tidak diperlukan, malah mungkin tidak sepatutnya diadakan. Jadi saya berpendapat bahawa sekiranya LOFSA berhajat untuk menubuhkan sebarang dana untuk satu-satu projek ia sepatutnya dinilai berasaskan merit dan sebarang sumbangan yang diperlukan daripada pengguna IOFC itu sendiri juga sepatutnya berasaskan sedemikian.

Adalah diharapkan supaya LOFSA apabila menggunakan seksyen ini nanti supaya lebih berhati-hati dan tidak akan menggunakan kuasa undang-undang ini kepada mereka yang mungkin tidak memerlukan perkhidmatan tersebut. Saya tidak percaya penganan sebarang fee ini sepatutnya diberi perlindungan perundangan seperti yang disediakan dalam pindaan seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh beberapa isu kecil dalam beberapa pindaan yang dibuat dalam rang undang-undang ini. Yang saya ingin sentuh ialah mengenai seksyen 28B(11) mengenai sama ada seseorang yang memberikan keterangan di mahkamah, melakukan satu kesalahan mengikut seksyen ini kerana seksyen ini mengatakan seseorang sepatutnya merahsiakan segala maklumat dan apakah kalau misalnya maklumat itu disampaikan ke mahkamah menjadikan ianya satu kesalahan. Seterusnya keterangan yang dibuat di hadapan kamera terutamanya di hadapan pegawai-pegawai mahkamah, adakah ini juga menjadi kesalahan kerana kita tidak menyimpan maklumat tersebut.

Bagaimana pula seterusnya hubungan di antara client dengan peguam dan ini akan juga mendatangkan kesan terhadap kedudukan sesetengah pegawai amanah yang ada di Labuan yang juga merupakan peguam kepada client. Jadi apakah ini menjadi kesalahan dan boleh dikenakan denda dan bagi saya ini adalah merupakan satu peruntukan yang mempunyai 'far reaching consequences', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya seksyen 28D (6) yang menyatakan;

"28D (6) Mana-mana orang yang menghalang mana-mana pegawai penyiasat dalam menjalankan kewajipan di bawah Akta ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabit boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau penjara selama enam bulan atau kedua-duanya sekali".

Dan dalam konteks ini di mana LOFSA melantik seorang pegawai penyiasat di bawah seksyen 28D (1) ini dalam melaksanakan tugasnya, misalnya datang ke pejabat saya yang mempunyai sebuah syarikat amanah di Labuan untuk melakukan penyiasatan dan pemeriksaan dan oleh kerana pegawai ini mungkin saya tidak mengenalinya kerana mungkin bukan Ketua Pengarahnya, kalau Ketua Pengarahnya saya kenal. Jadi walaupun ada diberikan surat secara bertulis, jadi pada ketika itu saya menghalang pegawai penyiasat

untuk membuat penyiataan sehingga saya mendapat confirmation daripada LOFSA, takut-takut Investigative Officer (IO) yang datang ini bukan orang yang diberikan kuasa. Soalannya apakah saya telah melakukan kesalahan dalam seksyen ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya ingin menyokong pindaan kepada Fasal 4 seksyen 18A (1) yang membolehkan LOFSA dengan kelulusan menteri untuk mewujudkan sebuah dana kebajikan kakitangannya. Ini kita alu-alukan demi untuk menjaga kebajikan kakitangan, pegawai-pegawai serta tanggungan mereka. Saya cuma ada satu persoalan sahaja berapakah jumlah dana yang akan disediakan bagi dana kebajikan kakitangan ini nanti? Dan bagaimana pula ianya dikendalikan?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya satu lagi perkara kecil dalam pindaan ini iaitu seksyen 28A (b) yang menyentuh soal sebarang kesalahan dalam Penal Code yang melibatkan available or non-available offences, dengan izin. Saya berpendapat dalam kes ini segala kesalahan dan ini akan menghalang seseorang itu untuk memegang sebarang jawatan dalam syarikat-syarikat. Misalnya kalau di negara kita ini satu hari nanti diperkenalkan makan 'chew gum' dikhalayak ramai merupakan satu kesalahan dan ini merupakan satu kesalahan minor offences, menghalang seseorang itu untuk menjadi pegawai atau penganjur dalam sesebuah syarikat.

Jadi saya berpendapat adalah tidak adil dengan kesalahan sekecil ini menghalang seseorang untuk menjadi pegawai dalam mana-mana syarikat di dalam perkhidmatan luar pesisir ini. Jadi kalau boleh dibahagikan supaya tidak memasukkan minor offences ini dalam pindaan 28A (b) ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh soal keperluan kakitangan dalam industri luar pesisir. Kita dapati bahawa kebanyakan syarikat dan bank luar pesisir telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan dan pertambahan bilangan syarikat baru yang didaftarkan juga telah meningkat. Ini menyebabkan berlakunya pinching, dengan izin, dan juga pertukaran kakitangan dalam industri luar pesisir kerana imbuhan gaji yang begitu tinggi dalam satu-satu sektor dan kesukaran juga untuk mendapatkan calon-calon yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak IOFC Labuan ditubuhkan pasaran tenaga kerja terus menghadapi kesulitan kerana permintaan tinggi bagi kakitangan mahir dan berkelayakan dalam industri yang kompleks ini. Memandangkan pertumbuhan industri perbankan ini akan terus berkembang dan sudah pasti akan memerlukan permintaan yang lebih tinggi bagi tenaga profesional yang terlatih. Ini menuntut kita untuk merangka dan mengadakan program pembelajaran dan latihan yang bertepatan dengan permintaan bagi mengeluarkan tenaga kerja yang mahir dalam bilangan yang boleh memenuhi permintaan pada masa yang akan datang dan mampu untuk mengeluarkan profesional dalam bidang yang berkaitan untuk keperluan negara dan juga serantau.

Usaha yang dijalankan oleh LOFSA dan juga institut bank-bank Malaysia ke arah memenuhi objektif ini adalah baik tetapi tidak akan berupaya untuk memenuhi permintaan dalam industri ini khususnya dalam jangka masa panjang. Dalam konteks ini saya mengalu-alukan dan menyokong pindaan ke atas Seksyen 4 yang memasukkan seksyen 4 yang membolehkan LOFSA dengan kelulusan menteri menubuhkan atau mengambil bahagian dalam mana-mana pertubuhan, perbadanan bagi maksud menggalakkan penyelidikan dan latihan berhubung dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir dan bagi maksud meningkatkan pembangunan perkhidmatan kewangan luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong dan merealisasikan pindaan Akta ini saya ingin mencadangkan supaya sebuah universiti ditubuhkan di Labuan yang akan menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan perkhidmatan luar pesisir dan seterusnya izinkan saya juga menyatakan tentang kebaikan bagi penubuhan mana-mana universiti atau IPTA di Labuan.

Yang pertama, penubuhan sebuah universiti yang akan sudah tentu mewujudkan rangkaian bagi menyediakan tenaga profesional yang diperlukan dalam industri ini dan akan dapat merangsang serta meningkatkan kuasa membeli dan menambah aktiviti-aktiviti Labuan yang kini berada di peringkat terendah di kebelakangan ini.

Kedua, penubuhan sebuah IPT juga akan dapat menjamin dan memastikan bahawa Labuan mempunyai tenaga profesional yang terlatih bila-bila masa untuk menyokong bagi memenuhi keperluan pengguna IOFC dalam konteks perniagaan IOFC yang intensif dan memerlukan kepakaran yang tinggi. Dan dengan demikian IOFC Labuan sepatutnya mempunyai sebuah pusat latihannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan IPT juga akan dapat meningkatkan bilangan penduduk yang kini hanya berjumlah lebih kurang 60,000 orang termasuklah pendatang-pendatang dari negara-negara jiran. Dan dengan peningkatan bilangan penduduk sedemikian akan dapat meningkatkan daya membeli atau kuasa membeli di Labuan bukan sahaja kerana kehadiran pelajar tetapi juga kerana kehadiran kaum keluarga yang mungkin akan melawat anak-anak mereka yang belajar di sana dan juga kehadiran penyarah dan penyelidik sudah tentu akan menyumbang ke dalam ekonomi tempatan termasuklah perhotelan dan perniagaan bebas cukai.

Keempat, IPT juga akan meningkatkan saiz kelas menengah dan kuasa membeli yang akhirnya akan dapat merangsang aktiviti perniagaan. Ia juga akan dapat membantu dan mengurangkan kelembapan hasil daripada pengurangan permintaan ke atas perniagaan runcit dan sewa hartanah kerana program perpindahan kakitangan awam ke kompleks serbaguna pejabat-pejabat kerajaan di Kiamsam pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hari ini dipesan oleh orang-orang Labuan dan juga kakitangan-kakitangan awam supaya dalam kegawatan ekonomi ini mereka memohon supaya perpindahan ke Kompleks Serbaguna Pejabat-Pejabat Kerajaan di Kiamsam ini dapat ditunda ataupun ditangguhkan dahulu buat sementara waktu. Saya mohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat menyampaikan pesan orang-orang Labuan ini kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang bertanggungjawab ke atas pembangunan Labuan kini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada cadangan saya bagi menubuhkan sebuah universiti tadi ia sudah tentu akan dapat menyediakan kursus-kursus di peringkat ijazah ataupun diploma yang memberi pengkhususan dalam bidang perniagaan antarabangsa, kewangan luar pesisir dan termasuklah kewangan dan perbankan Islam dan selari dengan kewujudan Labuan sebagai sebuah IOFC. IPT ini juga akan dapat menarik lebih ramai pelajar daripada negara-negara jiran dan rantau Pasifik kalau boleh daripada seluruh dunia supaya belajar di Labuan tentang IOFC. Setahu saya hari ini belum ada lagi sebuah universiti atau IPT seperti ini yang pernah ditubuhkan di mana-mana negara pun. Jadi ini akan dapat menambah pendapatan asing negara dan juga pendapatan langsung kepada IPT itu sendiri nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya IPT ini diimplementasikan secara berperingkat-peringkat. Mungkin akan bermula sebagai sebuah cawangan kepada mana-mana IPT yang sedang sedia wujud seperti Universiti Malaysia Sabah ataupun Universiti Sarawak (UNIMAS) atau mana-mana IPT dan akhirnya akan menjadi sebuah universiti yang independent dan lokasinya juga boleh diwujudkan di bangunan sementara sebelum mempunyai kampusnya sendiri. Saya yakin bahawa untuk mendapatkan semua ini hanya memerlukan kos yang minimum iaitu dengan menggunakan ruang di Kompleks Ujana, yang sedia ada, yang kini masih lagi kosong kebanyakannya, belum sepenuhnya digunakan. Saya difahamkan Ujana Kewangan juga tidak akan mengenakan apa-apa sewaan kecuali fee perkhidmatan dan bayaran utiliti sahaja. Bermakna kos untuk mewujudkan sebuah IPT di sana adalah marginal. Manakala hostel pula, boleh

menggunakan bangunan-bangunan lain yang berdekatan. Tuan Yang di-Pertua, tenaga pengajar pula sememangnya sudah sedia ada di kalangan profesional dalam industri IOFC itu sendiri, sebagai pensyarah sambilan atau mengambil visiting professors daripada IPT lain.

Akhirnya kementerian hanya kena cari peruntukan sebanyak RM30 hingga RM50 juta untuk menampung pembiayaan, pembangunan dan kos operasi dan saya mohon ini supaya dapat dipertimbangkan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, masih dalam pendidikan lagi. Saya ingin menarik perhatian kementerian tentang kedudukan Labuan International School yang sedia ada di Labuan. Dengan saiz pelajar yang kecil ianya sudah tentu tidak berdaya maju, berkemungkinan akan terpaksa ditutup oleh pengusaha sekiranya tidak mendapat bantuan daripada kerajaan. Sekiranya terpaksa ditutup ia akan memudaratkan nama Labuan sebagai IOFC kerana tidak mampu untuk memenuhi keperluan international business community dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap kerajaan akan dapat memberikan perhatian terhadap isu ini.

Sebagai menyokong perbincangan ini, saya mengalu-alukan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan IOFC Labuan yang beroperasi dalam satu persekitaran global dan memerlukan kemahiran yang tinggi dan intentif untuk terus bersaing. IOFC Labuan perlu menarik tenaga profesional. Untuk itu kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif yang berupa pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% kepada rakyat Malaysia sama ada yang berkhidmat dalam industri IOFC atau awam diberikan potongan 50% ke atas duti kastam bagi kenderaan yang dibeli di Labuan apabila mereka bertukar ke tempat lain dalam negara. Dan kedua, pengecualian cukai bagi elaun dan juga kemudahan perumahan yang diperolehi oleh mereka semasa berkhidmat di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya sehingga hari ini, insentif yang diumumkan itu masih tinggal janji. Kalau orang yang bercinta Tuan Yang di-Pertua, bila mungkir janji maka putuslah cinta. Saya simpati ada pegawai-pegawai yang berpindah, terpaksa menjual kereta mereka dengan murah kerana tidak mampu untuk membayar duti kastam. Dan saya ingin tahu bilakah perkara ini boleh diselesaikan kerana ini telah diumumkan tahun lalu, kalau saya tidak silap. Dan saya difahamkan bukan kerana kelewatan untuk membuat peraturan dan juga belum lagi diwartakan. Saya ingin tahu apakah yang menyusahkan sangat proses pewartaan ini dibuat.

Saya juga difahamkan oleh kawan-kawan yang beroperasi atau yang mempunyai syarikat-syarikat perkhidmatan luar pesisir di Labuan yang menyatakan bahawa Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan yang telah kita luluskan di Dewan yang mulia ini, tahun lalu, tahun 1997, masih belum boleh diguna pakai kerana beberapa perkara yang penting belum diwartakan termasuklah pengenaan fee yang diberikan dalam akta ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akta ini telah kita luluskan di Dewan yang mulia ini pada tahun lalu tetapi masih lagi tergantung. Saya dimaklumkan ramai yang sudah menunggu untuk menggunakan akta tersebut kerana ianya merupakan satu akta yang baik untuk memajukan Labuan dan saya mohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat menjengok jabatan di kementerian Yang Berhormat yang bertanggungjawab bagi segala urusan penswastan tersebut supaya dapat mempercepatkan urusan-urusan pewartaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beruntung kerana selalu dapat berdampingan dengan pelabur asing, operators dari pusat-pusat IOFC lain di dunia ini dan kerana saya duduk di sebuah pulau susah untuk keluar ke mana-mana. Jadi saya mendapat banyak peluanglah untuk bersama-sama dengan pengunjung-pengunjung ke IOFC Labuan. Jadi kita berbangga sering mendapat pujian kerana IOFC Labuan mempunyai infrastruktur yang

mencukupi dari segi bangunan dan juga infrastruktur perundangan yang begitu jelas dan mempunyai industri sokongan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari tentang adanya penurunan dan juga kelembapan dalam industri ini dan adanya penurunan bilangan pengguna kepada IOFC daripada negara-negara jiran dan rantau Pasifik ini, kerana masalah ekonomi serantau. Saya ingin menyarankan agar LOFSA dapat menggiatkan lagi usaha-usaha promosi mereka agar dapat membawa pelabur-pelabur baru khususnya daripada negara-negara Eropah dan Amerika yang tidak menghadapi masalah kegawatan ekonomi ini. Dan sepatutnya inilah kawasan yang menjadi tumpuan kepada kita. Kerana rata-rata kawan kita daripada negara-negara jiran semuanya terlibat, semuanya terkena gigitan kegawatan ekonomi ini. Jadi saya yakin dengan adanya peluang-peluang perniagaan dalam IOFC Labuan ini kita akan dapat menarik lebih ramai pelabur antarabangsa untuk datang dan menggunakan IOFC Labuan. Dengan demikian saya mohon menyokong, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

5.00 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun, untuk mengambil bahagian di dalam rang undang-undang ini, nampaknya setiap tahun kita ada pindaan ke atas Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998 dan kerana pusat kewangan luar pesisir IOFC ini hanya lapan tahun usianya, saya mengakui bahawa kita dapat menyaksikan kelemahan-kelemahan yang tertentu termasuk Yang Berhormat Ahli Parlimen sendiri pun ada kelemahan-kelemahan.

Tuan Michael Lisa Kaya: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Apabila kita Ahli-ahli Parlimen datang ke Labuan, dia tidak melayan dengan baik [*Ketawa*] yang dia sibuk untuk melayankan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sahaja, itulah yang dibuat, baik kita beri peluang kepada Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak peruntukan

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Untuk berupa adil kepada Ahli Yang Berhormat dari Labuan, masa itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dia ada kerja yang khusus, saya yang melayan Yang Berhormat dan Yang Berhormat lupa, janganlah ungkit, padanya adalah tidak adil. Saya sendiri melayan Yang Berhormat di Labuan dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat yang melayan saya tetapi tugasnya Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Labuan kerana kita Ahli-ahli Parlimen berminat dengan masalah yang timbul di Labuan, itu masalah. Tetapi saya hendak menyatakan di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin tidak mengaturkan lawatan kita dengan baik kerana tidak memberi maklumat yang lengkap kepada Yang Berhormat dari Labuan dan dengan tiba-tiba mengadakan lawatan seumpama ini dan

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Penjelasan! Apakah mungkin Yang Berhormat hadir ke Labuan pada ketika itu kerana mungkin tidak ada bahagian DAP wujud di Wilayah Persekutuan Labuan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tolong dia sedikit, tetapi nampaknya dia tidak mahulah, tidak mahu saya tolong dia, itulah masalah kita sekarang, kita hendak tolong orang, orang tidak mahu, biarlah!

Saya tertarik kepada pindaan yang memindahkan seksyen 4 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (4) untuk memberikan kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan dan mengambil bahagian dalam mana-mana pertubuhan perbadanan bagi maksud menggalakkan penyelidikan dan latihan dan meningkatkan pembangunan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah baik juga kerana saya masih ingat pada tahun-tahun 80-an kita di sini pun sudah berbahas mengenai cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti ASEAN di Labuan tetapi selepas perbincangan yang hangat, hasilnya tidak ada kerana pergolakan politik di Sabah dan tadi saya dengar cadangan Yang Berhormat dari Labuan untuk menubuhkan sebuah universiti. Cadangan itu pernah dibuat di sini, bukan sahaja oleh Yang Berhormat dari Labuan bahkan oleh saya dan ahli-ahli yang lain yang berminat dengan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi cadangan ini tidak realistik, memang tidak realistik. Labuan sebuah pulau yang begitu kecil dan bilangan penuntut tidak ramai. Saya bersetuju kekurangan tenaga mahir, memang kekurangan tenaga mahir, kita mesti memberi pertolongan membantu Labuan untuk mendapat lebih ramai tenaga mahir, tetapi untuk menubuhkan sebuah universiti malanglah tidak akan berjaya, sepertimana yang disebutkan oleh pihak kita untuk menubuhkan universiti ASEAN masa yang lampau.

Lebih realistik ialah kita adakan satu kampus, misalnya kampus Universiti Sabah di Labuan, dengan perlahan-lahan kita boleh menjadi sebuah universiti mungkin dalam satu dekad atau dua dekad, itu lebih realistik. Tambahan pula dengan kegawatan ekonomi, mana hendak dapat wang - tidak ada wang. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dua tahun yang lepas bersetuju kita hendak adakan kampus universiti dan setakat ini satu sen pun tidak keluar lagi, cuma adakan pindaan ini sebagai satu permulaan. Mungkin dua tahun hadapan dengan pemulihan ekonomi kita dapat keuntungan sedikit untuk satu kampus cawangan Universiti Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bukan saya tidak sokong, tetapi kalau cadangan tidak realistik kita tidak payah sokonglah, satu cawangan pun tidak ada peruntukan, macam mana kita dapat sebuah universiti? Itu mustahil.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Penjelasan. Saya ingat Yang Berhormat tidak dengar betul apa yang saya cakap ataupun tidak faham bahasa saya, kalau tidak faham saya 'excuse'lah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang ada mengikuti ucapan tadi tetapi bahasa Labuan macam mana kita hendak faham? *[Ketawa]* Kita hendak bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita perlu mengadakan tenaga mahir dengan menubuhkan cawangan Universiti Sabah di Labuan. Saya tertarik kepada hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai satu kegiatan haram yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memang kita mesti menekankan bahawa begitu pentingnya money laundering tidak dibenarkan di Labuan.

Walaupun jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa yang lampau bahawa semua syarikat itu adalah syarikat terkemuka, termasuk Yang Berhormat dari Labuan tadi ada menyebutkan mengenai sepuluh bank yang terkemuka di dunia. Walaupun syarikat-syarikat ini adalah terkemuka di dunia tidak semestinya semua wang itu bersih, tidak semestinya dan lebih awal lagi kita mesti menekankan begitu pentingnya tidak ada wang yang tidak bersih yang diuruskan di Pulau Labuan kita ini, untuk menunjukkan begitu serius Malaysia untuk menangani masalah dadah di negara ini.

Yang Berhormat, sebab pada dua hari yang lepas ada satu taklimat mengenai begitu seriusnya masalah dadah di negara ini sehingga bilangan penagih sudah meningkat kepada mungkin 400,000 ataupun setengah juta sebab bilangan yang sebenarnya tidak diketahui dan ini bermakna pengedaran dan penagihan dadah sudah meningkat dan wang haram yang berpuluh bilion ringgit ini pergi ke mana?

Saya berharap tidak akan ada wang haram ini masuk ke Labuan melalui syarikat-syarikat yang terkemuka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat pun sedar bank-bank sebesar mana pun termasuk Citi Bank dan sebagainya dikhuatiri mengurus wang yang tidak bersih. Bahkan saya juga difahamkan bank-bank besar juga mengadakan priority banking untuk penagih-penagih dadah. Saya tidak mahu sebutkan bank itu dan tidak perlu disebutkan kerana saya tidak ada bukti yang konkrit, cuma diberitahu bahawa

Seorang Ahli: Penagih atau pengedar?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebutkan tadi Citi Bank. Adakah Yang Berhormat berani mengulangkannya di luar Dewan supaya Citi Bank dapat mempertahankan dirinya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebutkan Citi Bank di Malaysia. Saya sebutkan sesuatu nama bank kerana saya diberitahu dan saya tidak mempunyai bukti yang lengkap. Maklumlah dengan wang yang berbilion-bilion ringgit macam mana kita dapat bukti. Cuma saya memberi peringatan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya sentiasa berwaspada dan jangan setakat keluarkan kenyataan bahawa syarikat-syarikat ini merupakan syarikat-syarikat yang terkemuka di dunia dan tidak akan terlibat dengan money laundering. Itu satu kenyataan yang tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, itu mengenai money laundering yang tidak termasuk di dalam - walaupun ada sedikit sebanyak disebutkan mengenai kegiatan haram. Boleh diterima juga sebagai satu kenyataan. Walau bagaimanapun saya berharap satu usaha untuk menjadikan semua aktiviti di Labuan itu lebih telus. Sebab kalau mengikut Pelan Pemulihan Ekonomi atau National Economic Recovery Plan (NERP), kita sekarang di dalam satu seksyen ada sebutkan begitu pentingnya kita ada ketelusan, transparency dan consistency. Memang sedap untuk kita dengar dan saya berharap consistency dan transparency dapat dilaksanakan di Labuan. Itu memang satu perkara yang hendak saya tekankan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kegawatan ekonomi kita kluatir bilangan syarikat luar pesisir yang akan bertapak di Labuan tidak akan bertambah dengan banyak dan pada masa yang sama mungkin ada syarikat-syarikat baru yang hendak mengambil kesempatan kerana di dalam keadaan kegawatan ekonomi ini nilai wang ringgit sudah turun dan harga saham-saham sudah pun turun dan ini mungkin menjadi satu peluang kepada syarikat-syarikat baru untuk melabur di Labuan.

Di sini saya ingin menekankan bahawa kita perlu meningkatkan kecekapan LOFSA sebab walaupun Pengerusi LOFSA, Tan Sri Ahmad Mohamad Don sudah pun berikhtiar tetapi bagi saya usaha beliau tidak cukup untuk menarik lebih syarikat untuk melabur di Labuan dan kecekapan itu boleh ditingkatkan lagi untuk memajukan pusat itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya amat tertarik dengan peruntukan baru ini mengenai pindaan seksyen 18 Akta dengan memasukkan seksyen baru 18A yang memberikan kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menubuhkan dan menyenggara suatu Tabung Kebajikan Kakitangan dengan menggunakan wang Lembaga bagi faedah ahli, kakitangannya dan juga tanggungan mereka. Sekiranya Tabung Kebajikan Kakitangan adalah untuk meningkatkan kecekapan semua kakitangan itu memanglah kita alu-alukan. Cuma saya hendak beri peringatan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya tabung tersebut dikendalikan dengan baik dan jangan berlaku apa-apa penyelewengan, 'kongkalikung' dan sebagainya. Kita mesti - 'kongkalikung' itu penyelewengan atau kecurangan.....

Seorang Ahli: [Menyampuk].

Dr. Tan Seng Giaw:itu bahasa Malaysia di dalam Kamus Dewan (bahasa baku), sebutan baku juga....

Seorang Ahli: Boleh jadi pensyarahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa cakap salah? Ini bukan bahasa Sarawak. Kita mesti mengendalikan tabung tersebut dengan baik supaya tidak berlakunya kegiatan haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya tabung tersebut semua kakitangan boleh bergiat dengan lebih baik dan cekap untuk memajukan pusat tersebut. Cuma saya nampak kos untuk kakitangan sudah meningkat daripada - kalau tidak silap saya daripada RM1.3 juta atau RM1.5 juta kos perbelanjaan untuk kakitangan sudah meningkat. Daripada RM1.3 juta kepada RM2.5 juta. Ini bermakna bertambah daripada tahun 1996 kepada 1997 - RM1 juta untuk perbelanjaan kakitangan. Kos pentadbiran sudah pun meningkat daripada kira-kira RM2 juta kepada RM3 juta, kalau tidak silap saya, kerana susah hendak rujuk kepada angka-angka ini. Saya nampak ada kos yang sudah meningkat untuk pentadbiran dan kakitangan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa kos dalam satu tahun meningkat RM1 juta ataupun lebih untuk kakitangan. Saya setuju bahawa kita hendak kakitangan bekerja dengan lebih kuat dan kita mesti bayar dengan lebih sedikit tetapi nampaknya bilangan kakitangan tidak bertambah dengan begitu banyak tetapi dalam satu tahun tambah RM1 juta. Gaji meningkat dengan begitu pesat sehingga 50%.

Tuan Yang di-Pertua, itu mengenai kecekapan kakitangan dan kita mesti menjaga kebajikan kakitangan. Dalam masalah kegawatan ekonomi ini kita berharap semua syarikat termasuk bank, insurans dan syarikat amanah. Bilangannya kita tidak tahu sama ada ia akan meningkat atau tidak. Walau bagaimanapun saya nampak insurans luar pesisir pada tahun 1997 sebanyak 19 lesen baru telah dikeluarkan untuk 8 broker insurans luar pesisir, 4 re-insurer, 3 pengurus insurans, 2 captives, 1 insurer nyawa dan 1 insurer am. 11 lesen telah diluluskan di antara tahun 1990 sehingga 1996.

Ini bermakna pertambahan 19 lesen ini ialah satu gejala yang baik juga. Walau bagaimanapun dengan kegawatan ekonomi adakah 19 pemegang lesen ini akan melabur di Labuan kerana keadaan yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah diberitahu bahawa pada akhir Disember 1997, 30 lesen telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan supaya syarikat-syarikat dapat menjalankan insurans dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan insurans. Ini memang satu galakan dan 22 daripada lesen ini dimiliki oleh bukan pemastautin Malaysia iaitu daripada Hong Kong, Sweden, Britain, Singapura, Liberia pun ada, Australia, Brunei, Jepun dan Switzerland dan hanya 8 syarikat Malaysia mendapat lesen tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan setakat ini, ini sudah hendak masuk bulan Ogos, walaupun 30 lesen sudah diluluskan, berapakah pemegang lesen sudah melabur di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun yang lepas aset-aset syarikat insurans luar pesisir adalah US\$210.9 juta dan berbanding dengan pertubuhan aset-aset syarikat insurans luar pesisir tahun yang lepas ada meningkat 52.8% kepada RM210.9 juta. Ini memang satu perkara yang menggalakkan tetapi dengan kegawatan ekonomi, saya pun tak tahu sama ada trend ini akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Islamic Trust yang merupakan BIMB International Islamic Trust Labuan Sdn. Bhd., anak syarikat dari Bank Islam Berhad yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Labuan tadi, syarikat amanah Islam satu-satunya di Labuan dan kerana kita nampak ada 20 syarikat amanah di Labuan dan pertubuhan itu tidak begitu pesat kerana dengan adanya amanah Islam ini memang kita mesti galakkan kerana kita hendak lebih banyak syarikat amanah di Labuan dan juga kita mesti menarik perhatian pelabur-pelabur daripada dunia Islam itu, memang satu perkara yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun daripada 20 syarikat amanah yang mengadakan operasi di Labuan ini nampaknya walaupun agregatnya dijangka meningkat 43.8% kepada RM9.2 juta dan jumlah keuntungan sebelum cukai bertambah 88% kepada RM4.7 juta pada tahun 1997, ini memang, walau-pun trend ini menggalakkan tetapi amau itu kecil sama sekali dan ini bermakna usaha mesti diambil oleh LOFSA untuk meningkatkan usaha supaya syarikat-syarikat amanah dapat ditambahkan dan memikirkan keuntungan dapat ditambahkan kepada satu angka yang lebih menarik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai satu hasil untuk LOFSA saya nampak hasilnya datang dari charge pertubuhan-pertubuhan syarikat dan fee-fee tahunan syarikat dan Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 1996 hasil LOFSA ialah RM2.2 juta dengan defisit RM7 juta dan dalam tahun 1997 hasilnya ialah RM7.5 juta dengan kelebihan RM22.1 juta. Ini memang satu perkara yang baik kerana LOFSA sudah mendapat keuntungan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat membuat unjuran bagi LOFSA hasil untuk akhir tahun ini, ada lima bulan lagi, apakah hasilnya dan adakah defisit akan timbul lagi kerana masalah ekonomi ini.

Akhir sekali mengenai hutang tak dibayar, nampaknya keadaan hutang tak dibayar (NPL) di Labuan adalah lebih baik daripada keadaan NPL dalam sistem perbankan di negara ini. Saya akan pendekkan kerana rakan hendak berucap dan saya sudah memberi peringatan bahawa kita hendak tahu NPL yang sebenar bukan sahaja 40% yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga yang disetujui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita hendak tahu keadaan NPL yang sebenarnya sekarang tetapi nampaknya NPL di Labuan, bank-bank luar pesisir nampaknya ada baik kerana itu berjumlah US\$170.5 juta iaitu 1.1% daripada jumlah pinjaman. Ini adalah satu gejala yang baik untuk Labuan. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah NPL untuk Labuan sekarang, memandangkan keadaan-keadaan ekonomi yang kurang baik ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tambun.

5.37 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tiga pindaan di dalam Akta ini. Pertama, menyentuh tentang LOFSA yang boleh mengeluarkan arahan berhubung dengan dasar yang perlu diikuti. Kedua, mengumpul dan menerima apa-apa maklumat daripada peserta luar pesisir. Dan ketiga, memeriksa institusi kewangan luar pesisir dan melantik pegawai penyiasat sekiranya diperlukan. Saya dapati ini adalah perkara yang penting dan utama dalam usaha kita untuk memperkukuhkan Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa. Saya berharap dengan cara itu kita dapat meningkatkan kredibiliti sektor kewangan tersebut serta negara kita,

memperkuhkan kegiatan institusi kewangan di Labuan serta meningkatkan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir yang penting di rantau, ini.

Yang saya ingin ingatkan kepada kerajaan adalah perlunya pihak kerajaan memastikan penguatkuasaan yang efektif dan tegas kerana ini merupakan kunci utama dalam memastikan kejayaan pusat kewangan tersebut nanti. Saya sedar bahawa contohnya Bank Negara telah mengambil tindakan yang penting dan tegas di dalam membuat pemantauan serta menyediakan laporan-laporan tetapi kalau tindakan tegas tidak diambil ia tidak bermakna kerana ia tidak akan menguntungkan serta memperkuhkan sektor kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang aspek operasi ataupun operational issues berkenaan dengan Labuan. Pertama sekali, saya hendak ambil contoh salah satu institusi kewangan di Labuan, jika ini dapat mencerminkan kedudukan institusi-institusi kewangan di Labuan. Institusi kewangan yang saya maksudkan adalah BBMB International Labuan Berhad ataupun BIBL.

Mengikut penyata kewangannya, pada 31 Mac 1998, ia menghadapi kerugian sebanyak RM500 juta. Bank tersebut mengeluarkan pinjaman sebanyak RM2.9 bilion, pada tarikh tersebut NPL berjumlah RM85.6 juta atau lebih kurang 3% daripada jumlah pinjaman, bermakna ia bawah industry standard kerana mengikut industry standard 8%. Tetapi yang merunsingkan jumlah pinjaman yang di 'classified sebagai problem loans yang berpotensi untuk menjadi NPL adalah sebanyak RM1.24 bilion iaitu merupakan lebih kurang 45% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh BIBL.

Jika kedudukan BIBL ini mencerminkan kedudukan institusi kewangan di Labuan bermakna bahawa kita menghadapi masalah yang sama seperti mana kita menghadapi masalah di dalam domestic banking kita, kita juga menghadapi masalah yang sama di dalam international banking kita. Seolah-olah ia menggambarkan bahawa masalah ini adalah satu extension daripada masalah di domestic banking kita pindahkan kepada international banking dengan practice yang sama dilakukan oleh pihak bank, mungkin client yang sama seperti kata Yang Berhormat Labuan, lebih kurang 70% daripada client ini adalah terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan, yang membezakannya kita hanya mendapatkan 'sourcing of fund' daripada luar daripada negara kita, dan ini tentunya melibatkan masalah currency risk dan juga kadar faedah yang tinggi.

Di atas rasa kebimbangan saya melihat sektor perbankan di dalam negara dalam proses keruntuhan yang cukup menggerunkan, di sini juga mungkin berlaku keadaan yang sama, saya mintalah penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang kedudukan sebenar institusi-institusi kewangan di Labuan sekarang ini.

Kalau bolehlah di dalam pindaan-pindaan yang akan datang, memandangkan kepada jumlah kerugian yang besar jikalau pinjaman yang di 'classified ini menjadi NPL sebanyak RM1.24 bilion, saya dapati bahawa denda yang dikenakan sebanyak RM250,000 serta RM500,000 itu tidak mencukupi dengan saiz masalah yang dibawa dan mungkin pada masa lain akan dipinda.

Sehubungan dengan BIBL tadi saya ingin mendapat pandangan daripada Kementerian Kewangan bagaimanakah proses kita meluluskan lesen kepada bank untuk beroperasi di Labuan? Saya berpendapat apabila kita memproses permohonan daripada bank kita harus mengkaji credibility parent bank ataupun syarikat induk bank tersebut kerana prestasi syarikat induk nanti akan mencerminkan prestasi anak syarikat di Labuan yang akan dijalankan kerana praktis daripada syarikat induk serta pegawai-pegawai di sana yang dipindahkan kepada subsidiary bank di Labuan. Jadi sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh tentang parent body ataupun parent bank BIBL iaitu Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Saya mendapati bahawa BBMB sekarang berasaskan kepada kajian Bank Negara telah diletakkan dalam kedudukan yang paling rendah sekali berbanding

dengan masa-masa lalu. Bank Negara mempunyai sistem yang dipanggil sebagai C.A.M.E.L. Dari segi 'C' - capital, pada tahun 1996 ia mendapat rating dua point dan pada 31 Mac 1998 turun kepada empat, iaitu unsatisfactory.

'A'-asset quality daripada empat turun kepada lima, 'M'-management daripada tiga hingga empat, 'E'-earning - tiga kepada empat. 'L'-Liquidity daripada dua kepada satisfactory tiga. Saya pun tidak faham satisfactory macam mana kerana bila saya gunakan Kad Juwara saya 'jolak' hendak ambil duit, tidak ada duit. Jadi macam mana bila dia kata liquidity satisfactory tiga rating saya tidak begitu jelas. Adakah betul satisfactory ataupun tidak?

Secara overall kajian C.A.M.E.L. ini telah menurunkan bank tersebut daripada satisfactory tiga pada 3.9.1996 kepada empat iaitu unsatisfactory. Dan telah menurunkan kedudukan BBMB daripada bank tier satu kepada tier dua. Mengikut penyata kewangan bank tersebut pada 31 Mac 1998 bank tersebut menerima kerugian RM1.34 bilion dan NPL sebanyak RM6.2 bilion, 23% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan dan ini tentunya satu perkara yang mendukacitakan kita, satu yang amat membimbangkan. Ditambah lagi kerajaan tentunya akan melakukan exercise recapitalisation. Saya difahamkan lebih satu bilion akan digunakan untuk tujuan itu.

Apa yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua, bank ini telah menerima recapitalisation, kalau tidak silap saya sudah empat kali, ini hendak buat kali yang kelima. Bermula daripada kes BMF dan saya teringat bila tiap-tiap kali recapitalisation, dia akan mengakibatkan kakitangan hilang semangat dalam keadaan yang 'low morale' disebabkan kepada recapitalisation. Dan sekarang ini recapitalisation sekali lagi mengakibatkan staf menghadapi tekanan low morale. Staf merasakan yang bersalah adalah top management kerana dia menentukan peraturan pengurusan dan sebagainya. Tetapi kesan daripadanya dihadapi oleh staf bawahan. Saya ingin memberi sedikit gambaran tentang kedudukan bank tersebut mengikut kajian. Ada tiga aspek penilaian ke atas bank tersebut didapati:

- (i) Terdapat bank tidak mematuhi keperluan undang-undang dan pentadbiran iaitu aspek 'legal dan administrative requirement', di mana salah satu memberi pinjaman berlebihan tidak mengikut kepada kehendak BAFIA ke atas single customer limit, tidak ada proper approval dan sebagainya;
- (ii) Masalah pengurusan risiko credit yang amat lemah, over exposure kepada kumpulan-kumpulan syarikat mengatasi kepada credit risk yang sepatutnya, pengurusan yang lemah tidak mempunyai system credit appraisal yang mencukupi, inadequate loan review process and monitoring, weaknesses in granting loan dan sebagainya;
- (iii) Operasi perbendaharaan yang lemah 'treasury operation, weaknesses in treasury operation'; dan
- (iv) Fungsi audit dalam yang tidak dijalankan secara memuaskan.

Ini empat aspek perjalanan sebuah bank. Keempat-empat aspek ini tidak dijalankan secara yang baik. Saya ingin mengaitkan semula dengan exercise recapitalisation yang akan dilakukan oleh kerajaan. Saya berpendapat setelah empat kali recapitalisation, kali pertama bank gagal, kali kedua gagal, ketiga, dan sekarang recapitalisation lagi, dan saya percaya ia akan gagal. Kalau kita tidak membuat satu exercise yang tegas dan bersungguh-sungguh menyusun semula pengurusan bank. Isu yang saya kemukakan ini sudah jelas menunjukkan bahawa pengurusan bank ini tidak cekap, dan kita hendak recapitalisation lagi. Bank ini dimiliki oleh kerajaan dan saya percaya kerajaan mempunyai kuasa, kalau individu-individu tertentu tidak cekap, kita perlu keluarkan. Itu sebabnya saya katakan soal denda tadi yang saya rasa sedikit,

kerugian yang dialami sebanyak RM1.34 billion, dan kalau berlaku RM6.2 billion melibatkan jumlah yang terbanyak, dan denda dikenakan RM250,000. Yang menjadikan bank tersebut lemah kerana pegawai-pegawai dalamnya iaitu 'top management'nya bukan terdiri daripada orang yang mempunyai kewibawaan untuk menjalankan sebuah bank. Mereka perlukan kepada latihan yang cukup mantap.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu saya kerja lama dalam bank dan saya bekerja dalam dua jenis bank, American Bank dan Domestic Bank. Kalau kita kerja di American Bank sekurang-kurangnya satu tahun setengah kita menjadi credit analyst, kemudian kita dihantar ke Asia Credit Training Centre. Kalau macam di Chase Manhattan Bank dihantar ke Hong Kong dan kita dilatih dalam keadaan yang tertekan (pressure) selama enam bulan. Setiap malam tidur tiga jam dan selama enam bulan membuat berbagai-bagai kerja. Selama dua tahun dalam training, kita belum jadi pegawai lagi, baru Bank representative. Enam bulan selepas itu baru jadi treasurer, baru kita jadi seorang pegawai bank setelah dua tahun setengah. Kalau local bank masuk enam bulan diberi training daripada satu tempat Current Account Department, pergi kepada Bill Department kemudian tukar kepada tempat lain, selepas enam bulan full-pledge officer, jumpa client berbincang kredit, dan memberi recommendation untuk kelulusan pinjaman. Saya pernah bekerja sebagai salah seorang pegawai di anak Syarikat Bank Bumiputra, saya tahu pegawai-pegawai yang tidak mempunyai kewibawaan duduk di situ. Dan kita mempertahankan orang ini membawa kerosakan kepada bank dan merugikan negara kita. Dan, lebih memalukan apabila Bank Bumiputra adalah bank 'bumiputera', bangsa saya.

Jadi saya berpendapat mesti diambil tindakan yang tegas, jikalau tidak pegawai-pegawai Bank Negara merasa frustration setelah ditugaskan untuk membuat kajian yang tebal. Saya tahu sekurang-kurangnya tebal ini menyatakan kelemahan bank tersebut, saya tengok beratus kelemahan, tetapi akhirnya recapitalisation tanpa ada reorganization dari segi top management. Bank tersebut akan terus berhadapan dengan masalah lagi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak bercadang untuk bercakap panjang saya ingin sentuh perkara ini sahaja dan saya berharap kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas. Pada saya mesti ada reorganization and restructuring of management baru kewibawaan bank itu dapat dinikmati demi kepentingan negara kita. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Balik Pulau.

5.44 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan. Saya ingat setelah kita luluskan kurang daripada dua tahun yang lepas, tapi kali ini kita terpaksa datang balik untuk melakukan pindaan-pindaan yang tertentu yang perlu dilakukan antara lain ingin menunjukkan bahawa kita masih lagi mempelajari tentang membentuk satu kerangka perundangan untuk mengawal kegiatan membekalkan perkhidmatan kewangan luar pesisir di Labuan. Kalau kita faham betul-betul maka sudah tentu Rang Undang-undang yang kita luluskan apada 1996 dahulu tidak memerlukan perubahan-perubahan yang terpaksa dikemukakan hari ini. Tetapi saya ucapkan tahniah, kerana kementerian mengambil masa yang tidak panjang untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada, dan datang kembali ke Dewan ini untuk melakukan pindaan-pindaan yang tertentu, yang kita tahu sebenarnya ialah untuk mengukuhkan lagi kuasa penyeliaan LOFSA dan memperkemas sistem mendapat maklumat daripada mereka yang terlibat di dalam kegiatan ini dan juga menyelaraskan keadaan perundangan ini dengan keadaan ekonomi negara semasa.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu usaha untuk mengukuhkan infrastruktur perundangan dengan kita membekalkan regulatory agency yang dipertanggungjawabkan ini dengan lebih banyak kuasa. Seperti yang saya cakap dalam perbahasan Danaharta hari itu saya mempunyai tanggapan bahawa antara sebab yang utama mengapa negara berdepan dengan krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang ini, dan juga bukan negara kita sahaja tetapi negara-negara Asia Timur dan di serantau ini ialah kerana punca ini adalah krisis dalam sistem dan institusi-institusi kewangan. Satu daripada kelemahannya ialah kelemahan dari segi regulatory framework. Jadi pada hari ini saya tak hendak cakap banyak mengenai regulatory framework pada bank, sebab itu dalam BAFIA dan sebagainya. Tetapi hari ini kita melakukan pindaan kepada Rang Undang-undang ini untuk kita memperkukuhkan regulatory framework untuk LOFSA ini.

Saya harap benar-benarlah kita mendapat iktibar daripada pengalaman yang kita lalui ini, untuk benar-benar memperkukuhkan usaha regulatory ini pengawasan pemantauan kerana kita boleh luluskan undang-undang, tetapi kalau tidak ada penguatkuasaan dan pengawasan yang baik maka masalah boleh timbul juga. Saya rasa Bank Negara telah diperuntukkan kuasa-kuasa tertentu untuk menjalankan tugas dia, tetapi sama ada apa sebab sekali pun kita rasa bahawa sepatutnya dalam menjalankan dasar kewangan negara Bank Negara sebenarnya boleh melakukan dasar-dasar yang boleh mengurangkan kesan krisis ini. Kalau dalam tempoh dua, tiga tahun yang lepas mungkin Bank Negara mengenakan dasar kewangan yang lebih ketat mungkin tiga tahun yang lepas, dan kita boleh mendapat satu landing yang lembut daripada kita brek terkejut pada tahun 1997. Jadi mungkin apa yang patut dipertimbangkan sekarang ini untuk agensi seperti Bank Negara ini dan juga LOFSA ini kita berikan dia kebebasan dari segi melaksanakan 'regulatory function' dan juga function dia untuk menjalankan dasar kewangan.

Satu perkara misalnya yang dilakukan di Britain apabila Kerajaan Labour yang baru mengambil alih ialah mereka memberi kebebasan kepada Bank of England untuk menjalankan 'Monetary Policy' dan memang kita tahu di Amerika Syarikat 'Federal Reserve System' bergerak secara yang bebas dan mempunyai dasar yang cukup jelas yang difaham oleh semua orang. Maknanya kalau macam itu maka kita tidak ada kekaburan dari segi dasar dan kita tahu misalnya Bank Negara menjalankan dasar kewangan dan menggunakan instruments yang ada kepadanya.

Jadi matlamat polisinya hanyalah satu, misalnya menjaga kadar inflasi. Apabila kadar inflasi menunjukkan tekanan untuk naik maka Bank Negara melakukan apa juga yang dia boleh lakukan dengan instruments yang ada padanya untuk mengurangkan tekanan ke atas harga. Jadi dengan jelas dia tak kisah apa akan terjadi pada pengangguran, dia tak kisah apa jadi kepada pelaburan asing masuk. Dia punya matlamat polisi jelas, semua orang tahu, orang dalam negara tahu, orang luar negara tahu ialah untuk menjaga tingkat harga berada kepada tahap munasabah, dan dia akan melakukan apa juga dia punya open market operation, dia hendak jual bills bon yang banyak hendak beli balik, demi untuk menjaga kestabilan harga satu sahaja, jelas dan apabila ada kejelasan dasar seperti ini maka tidak ada kekaburan, semua orang faham.

Kita kena ingat sekarang ini kita Malaysia bukan lagi sebuah negara yang macam 30 tahun dahulu. Jadi sekarang ini apa juga tindakan yang diambil oleh mana-mana regulatory agency dalam negara kita ini diperhatikan orang. Saya tahu bahawa terdapat banyak analyst yang tidak ada kerja lain, kerja dia duduk perhati mungkin Gabenor pergi kerja, balik kerja, pergi rumah balik rumah dan apa kenyataan-kenyataan yang akan dibuat oleh Gabenor dan pegawai-pegawai tinggi dalam Bank Negara, kerana bila kita duduk dalam gelanggang yang mana kita integrasi ekonomi kita sama ada ekonomi sebenar ataupun ekonomi kewangan kita diintegratekan dengan ekonomi dunia,

maka orang perhati kita punya tindak-tanduk, orang perhati kita punya kenyataan, orang perhatikan kesemuanya.

Saya ingatlah masa kecil-kecil dulu, main bola dekat kampung, padang bola itu terlebih kurang tak ada line pun, yang jadi linesman pun ambil orang yang tua sikit suruh jadi linesman, yang jadi referee pun bukan ditauliahkan oleh FA, FAP, FAM, jadi kita main bola, tak kesah, fault, offside, garis pun herot tak apa. Tetapi bila kita masuk main bola dalam stadium, jadi dalam stadium linesman ditauliah, referee pun ditauliah, ada lampu stadium, 30-40 ribu orang yang tengok, jadi kita tak boleh nak main dengan mind set yang sama. Kita kena ubah kerana tuntutan kita nak main bola dalam stadium macam itu dengan dikelilingi oleh suasana seperti itu tuntutan berlainan. Dahulu boleh juga berkira, linesmen kata off, kita kata tak offside. Dahulu main di kampung boleh berkira, jadi sekarang ini tak boleh berkira, sebab orang tengok, kadang-kadang kita trip kaki orang dia jatuh, kita tak fault. Sekarang ini mereka ada instant replay boleh tengok balik, betul tidak. Jadi standard, kesemua, standard regulatory, dan juga ethical, semua standard, kena tinggi sikit sebab kalau kita tak boleh main dalam gelanggang yang kita main ini.

Jadi dalam LOFSA ini pun khususnya, kita buat infrastruktur perundangan dan kewangan ini kerana kita hendak bangunkan Labuan sebagai sebuah tempat perkhidmatan kewangan luar pesisir. Kita tahu pengalaman daripada Thailand, dia buat dia punya IOFC di Bangkok, di tengah-tengah Bangkok dan apa yang terjadi ialah bukanlah dana daripada luar offshore disalurkan kepada luar menerusi IOFC tetapi apa yang terjadi IOFC di Thailand menjadi satu pintu masuk untuk duit daripada luar masuk ke dalam Thailand. Jadi kita difahamkan, saya terdengar Ahli Parlimen daripada Labuan berkata bahawa 66% daripada pinjaman, 70% daripada pinjaman yang dibuat oleh institusi kewangan yang ada di Labuan adalah dibuat kepada pihak yang ada dalam negeri. Permastautin. Maknanya, kita tak hendak jadi Labuan menjadi satu conduit untuk memasukkan dana luar ke dalam Malaysia. Kita harus sedar, bahawa krisis ekonomi di negara Asia, di Asia Timur, di Thailand serupa, di Indonesia serupa, di Malaysia tak seteruk mereka kerana kita tak bergantung kepada hutang luar yang banyak, tetapi kita punya pergerakan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan sebagainya adalah memang terjejas, dan dijejaskan oleh pergerakan modal daripada dana dari luar negara. Jadi pergantungan kepada dana luar daripada negara adalah merupakan punca krisis ekonomi yang berlaku di Thailand, di Indonesia, di Korea dan pada tahap yang kurang sikit di Malaysia juga.

Jadi sebagai satu persoalan yang theoretical sahaja kita boleh tanya, adakah pergantungan kepada sumber pembiayaan daripada luar negara untuk membiayai pelaburan, pembangunan dalam negara, adakah itu suatu yang ~~mahu~~ kita lakukan? Ataupun adakah sesebuah negara itu sepatutnya melakukan pelaburan pembangunan termasuk yang awam dan juga yang swasta dikekang oleh tahap tabungan yang ada dalam negara? Maknanya, kalau tahap tabungan dalam negara sekian banyak maka sistem kewangan dalam negara itu mempunyai kemampuan yang tertentu untuk membiayai, perbelanjaan pelaburan dalam negara itu. Maka kita boleh pusinglah berapa kali multiplier effect dia. Dan kita tak boleh pergi lebih dari itu, kalau kita hendak pergi lebih daripada itu, maka tahap atau peratusan tabungan kena naik, then we can go more. Apa yang berlaku ialah di sebaliknya. Apabila kita melabur dengan terlalu tinggi, maka itulah sebabnya kita punya current account deficit. Sekarang ini dah okaylah sebab sekarang ini kita duduk dalam keadaan ekonomi menguncup, tetapi current account deficit sebenarnya menunjukkan resource deficit maknanya investment, pelaburan lebih daripada tabungan dan sudah tentu kalau nak di "balance"kan akaun itu sudah tentu lebihan itu hendaklah diperolehi daripada luar negara sama ada dalam bentuk pelaburan terus atau dalam bentuk-bentuk yang lain.

Jadi penggantungan yang structural kepada pembiayaan pembangunan dalam negara ke atas dana yang diperolehi daripada luar ini perlu kita fikir balik. Kalau kita fikir

kita boleh melakukan pelaburan dan keputusan hendak melakukan pelaburan itu kita kena ambil kira sumber pembiayaan. Kalau kita kata, okay memang boleh kita source duit itu daripada luar, kerana wang ada, mungkin pada kos yang lebih rendah. Jadi kita akan memasuki satu kitaran yang mana kita akan over invest dan inilah yang berlaku di negara-negara yang saya kata tadi di Thailand, di Indonesia, di Korea dan juga di Malaysia pada tahap yang kurang sedikit.

Jadi perlu kita fikir sekarang ini, pertamanya, kita tak mahu Labuan IOFC ini hanya dijadikan semata-mata ataupun sebahagian besarnya sebagai conduit untuk memasukkan dana asing ke dalam negara. Dan yang keduanya, pada persoalan yang lebih umum ialah sebagai satu dasar ataupun falsafah pembangunan negara kita, adakah kita mahu melakukan ataupun menjana pertumbuhan dengan melakukan pelaburan yang melebihi apa yang boleh kita bekalkan seperti yang dikekang oleh tahap tabungan kita? Atau kita boleh hanya melakukan pelaburan setakat yang dibenarkan oleh kadar pelaburan kita sahaja?

Jadi, kalau kita buat semacam itu mungkin kita tidak hebat dari segi kadar pertumbuhannya, tetapi keadaan itu adalah lebih stabil daripada keadaan di mana kita bergantung lebih banyak kepada dana yang diperolehi daripada luar. Bukanlah satu yang keterlaluan untuk saya berkata bahawa terdapat sedikit intoxication, macam mabuk, kata orang negara-negara di Asia Timur macam intoxicated by the ability of foreign fund yang begitu banyak, yang berpusing-pusing di dalam dunia ini. Ini perlu kita fikirkan secara yang mendalam

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikut kita lihat bahawa satu daripada yang hendak dipinda ini ialah untuk memberi kuasa kepada LOFSA untuk menubuh atau memegang kepentingan dalam sesuatu badan korporat. Rasionalnya saya rasa ialah kerana kerajaan telah membuat keputusan untuk mewujudkan Pasaran Wang Antarabangsa Islam di Labuan (ALIM) dan juga Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan juga telah membenarkan penubuhan Labuan Financial Exchange. Kalau saya takrif peruntukan Labuan IOFC ini ke arah yang macam ini saya seronoklah, yang saya takut kalau jadi yang hanya ikut-ikut yang tadi, saya susah hati. Maknanya, ada bank dan sebagai hendak ikut. Kalau kita hendak gunakan Labuan IOFC ini untuk membangunkan pasaran-pasaran yang seperti ini, Pasaran Wang Antarabangsa Islam dan juga kita hendak bangunkan Labuan International Financial Exchange, ini adalah satu usaha yang kita setuju. Ada dua-tiga persoalan sahaja. Tinggal lagi macam LIFE, apakah produk yang boleh kita perkenalkan dalam satu bursa macam LIFE yang boleh mendapat sambutan ataupun tidak.

Yang keduanya, saya rasa ALIM ini adalah satu usaha yang baik, kerana saya rasa pada pengetahuan saya belum ada mana-mana satu bursa ataupun pasaran yang memperdagangkan instrumen-instrumen kewangan berdasarkan syariah. Jadi, kalau kita boleh membangunkan Labuan sebagai pasaran di market untuk Islamic financial instrument ini, maka ini adalah satu pencapaian yang baik dan kita boleh gembelngkan duit-duit Pak Arab, duit petrol Dollars mereka habiskan tidak ketahuan, sekarang pun harga minyak pun tidak berapa tinggi. Jadi, satu kerugian di mana sumber kekayaan ini tidak dapat kita gunakan secara yang optimum dan pada masa yang sama tidak nampak satu kemampuan di kalangan masyarakat Islam dunia. Mereka bersembang banyak. Saya biasa pergi banyak conference, International Islamic Economic Conference dan macam-macam lagi. Yang membentang kertas kerja datang dari Bangladesh, Pakistan, India, Saudi Arabia, mereka bersembang sahaja lebih bab ini. Macam PAS juga dari segi hendak buat instrument ini, tetapi dari segi benar-benar mahu melakukannya tidak nampaklah sesuatu usaha yang benar-benar kita nampak.

Jadi, kita telah ada Bank Islam, Insurans Takaful dan sebagainya, kita rasa bahawa ini adalah satu langkah yang baik untuk kita bangunkan Labuan sebagai International Islamic Monetary Market. Tinggal lagi dalam kita hendak bangunkan pasaran bursa ini,

saya pun hendak komen sedikit, dalam tempoh lima-enam tahun yang lepas pada satu ketika kita ada KLSE dan juga KLCE, Kuala Lumpur Stock Exchange dan juga Kuala Lumpur Comodity Exchange. Lepas itu kita memperkenalkan Malaysian Monetary Exchange (MME), dan kemudiannya kita memperkenalkan Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange (KLOFFE). Jadi, dua bursa yang baru MME dan KLOFFE ini, kita perkenalkan untuk memperkayakan dan memperdalamkan pasaran modal dalam negara kita ini semata-mata untuk memberi instrument yang lebih kepada syarikat-syarikat dan juga institusi kewangan dalam negara kita ini untuk melakukan pengurusan risiko yang lebih baik.

Tetapi apa yang kita tengok Malaysian Monetary Exchange (MME) ia trade three months KLIBOR rate tiga bulan, volumenya tidak ada apa. Kadang-kadang saya tengok sahaja, saya tidak ada duit hendak jadi funtor dalam pasaran tetapi orang kata dok 'kerling-kerling' tengok, volume lima lot satu hari, tiga lot. Hari itu semasa kita cuba, sama ada kerajaan atau Bank Negara saya tidak tahulah cuba hendak mempertahankan Ringgit itu dia jack up interest rate sampai 50%. Jadi, ada beberapa orang yang cerdik buat duit banyak. They go long on the market waktu itu interest rate naik.

Kemudian, apa yang terjadi kepada KLOFFE, nampaknya volumenya tinggi. Open positionnya sampai 20,000 lebih. Mula-mula dahulu nampak macam letih juga. Sekarang sudah okay. Tetapi sedih pula Singapura SIMEX pula memperkenalkan produk yang sama dalam pasaran mereka. Singapura memperkenalkan dagangan hadapan atas Index Kuala Lumpur. KLOFFE pun baru-baru ini merintih tidak ketahuan. Saya ingat kerajaan telah membuat keputusan untuk menggabung dan meletakkan KLOFFE ini di bawah KLSE, dan MME terus saya tidak nampak lagi. MME pula dimiliki oleh KLCE. Jadi, saya ingat kerajaan kena fikir rasionalise semua futures market dengan ekuiti market. Jadi, satu haru jugalah KLCE buat MME, lepas itu trade in interest futures, selepas itu ada syarikat lain pula buat KLOFFE trade in index futures. Jadi, di sebelah pengwujudan pasaran itu pun nampak kelam-kabut sedikit. Tetapi yang lebih menyedihkan sekali ialah walaupun kita ada instrument-instrument ini, instrument-instrument yang sebenarnya membolehkan pengurusan risiko dijalankan dengan baik. Tetapi kita tengok macam mana.

Saya setuju dengan kawan saya dari Tambun tadi, fasal kami selalu bersebang sekali. Jadi, macam mana bank, institusi kewangan, financial companies, macam mana mereka boleh berada dalam kedudukan yang mereka ada hari ini yang memang banyak sebablah. Sebab kejatuhan harga saham satu hal. Tetapi dari segi impak kenaikan kadar faedah kepada kos dana bank-bank, ini semua boleh dilindungi sebenarnya. Kalau institusi kewangan ini tahu untuk menggunakan produk yang ada dalam MME, tidaklah seteruk itu. Mereka sepatutnya boleh buat hedging. Sebelum saya jadi Ahli Parlimen saya mengajar di universiti, saya bukan berniaga. Tetapi yang jadi Board of Directors bank-bank ini yang besar-besar semua kaya-kaya, duit banyak, hidup pun cara yang mewah, action pula kadang-kadang. Ahli ekonomi hendak cerita mereka kata "you tahu apa, you tahu teori sahaja". Kalau dia cerdik sangat, kalau ahli-ahli lembaga pengarah bank-bank yang ada dalam negara kita ini dan juga chief executive dan pegawai-pegawai tinggi bank, kenapa mereka tidak boleh guna instrument untuk pengurusan risiko.

Kita datang ke sini kita bangunkan bursa, membekalkan kemudahan itu. Tetapi mereka tidak mengerti pakai. Jadi, risiko naik-turun kadar faedah boleh diuruskan dengan baik kalau orang itu tahu guna apa yang dibekalkan dalam MME, KLIBOR Futures.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya hendak jolok sudah lama, tetapi baru dia bangkit, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan saranan Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi mengenai dengan pandangan-pandangan

intelektual di menara gading tidak diambil hirau. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa setakat ini dalam kegawatan ekonomi, kita tidak pernah mendengar unjuran-unjuran daripada kumpulan ahli-ahli ekonomi, misalnya dalam kegawatan ekonomi sekarang, kita belum lagi mendengar apa-apa unjuran yang substantive daripada, katalah, kumpulan ahli-ahli ekonomi makro, analytical economist daripada mana-mana universiti. Jadi, jikalau tidak ada suara macam manakah orang-orang korporat ataupun badan-badan korporat dapat menghormati atau dapat bergantung, dapat menanggung pendapat daripada orang-orang intelektual di universiti. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sekarang ini wujudnya ketandusan idea ataupun tidak berani orang-orang intelek ini memberi pandangan sebab pandangan-pandangan dan juga surat-surat – beratus surat yang datang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan datang daripada layman, ahli-ahli saudagar, ahli-ahli perniagaan dan ahli-ahli politik tetapi tidak banyak datang daripada profesor ekonomik yang mana Yang Berhormat dulu menjadi ahli di dalam golongan itu. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang saya kata tadi?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, walaupun politik ini lebih kelam-kabut lagi, saya sanggup keluar masuk dalam arena ini kerana sebab itulah – sebab the intellectual Malays yang ada – Yang Berhormat Parit Sulong kata intellectual menopause maknanya intellectual Malays ini boleh kita overcome – kita harap tetapi intellectual menopause sudah habis dah tidak boleh kita hendak perbetulkan. Saya bersetuju tidaklah keseluruhan dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana misalnya, Persatuan Ekonomi Malaysia sebagai satu persatuan mewakili bidang ini – macam Malaysian Medical Council, Persatuan Ahli Kimia dan sebagainya. Jadi, Persatuan Ekonomi Malaysia sepatutnya menjadi satu badan yang mana banyak ahli ekonomi menjadi ahli dan sepatutnya mereka mengemukakan pandangan yang jelas dan mengambil kesempatan dalam keadaan krisis ekonomi dalam negara kita ini yang memang bersifat ekonomi pada amnya untuk mengemukakan sesuatu. Saya pun hendak kritik jugalah Persatuan Ekonomi Malaysia – depa tidak buat apa. Jadi, yang ada kita dengar adalah.....[Ketawa]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Balik Pulau dan saya juga menjadi ahli Persatuan Ekonomi Malaysia. [Ketawa] Jadi, saya fikir ahli dari Kepong lebih banyak membuat kritik daripada ahli-ahli Persatuan Ekonomi Malaysia. Adakah Yang Berhormat bersetuju dalam hal ini? [Ahli Yang Berhormat dari Kepong menunjuk signal tangan] Dia bukan ahli ekonomi tetapi kritiknya banyak dan kebanyakannya melencong.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Itu menunjukkan kelemahan jugalah. Apabila Ahli dari Kepong, walaupun dalam kapasiti beliau sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat ini memang boleh menyuarakan apa-apa juga pendapat tentang apa-apa juga bidang tetapi.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: No, wait. [Ketawa] tetapi I am criticizing the MEA tetapi bahawasanya Ahli dari Kepong ada authority, bukanlah authority – adalah, orang dengar juga dia bercakap fasal ekonomi – ini menunjukkan bahawa mereka yang sebenar-benarnya patut ada authority itu berada pada kedudukan yang begitu rendah. Saya bukan hendak memperlekehkan kedudukan Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun, Yang Berhormat. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang ahli Persatuan Ekonomi Malaysia untuk beberapa tahun dan kalau saudara Yang Berhormat mengkritik Persatuan Ekonomi Malaysia, itu juga mengkritik saya. *[Disampuk]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, saya walaupun sudah berada di dalam bidang ini sebelum ini – hampir 10 tahun, saya tidak pernah menjadi ahli Persatuan Ekonomi Malaysia kerana saya tidak nampak – saya lebih rapat dengan, misalnya dahulu kawan saya duduk di MIER, kita lebih rapat dengan MIER dan juga mungkin penulisan-penulisannya keluar daripada ISIS tetapi ketandusan idea and conviction di kalangan ahli-ahli ekonomi akademik ini adalah satu yang patut kita lihat jugalah. Mungkin kerana kemasukan universiti sekarang ini begitu tinggi, jadi mereka dibebankan dengan tugas pengajaran (lectures) yang begitu banyak sampai empat kursus satu semester, jadi, otaknya tidak ada masa untuk fikir dan juga buat research yang berkualiti dalam hal ini. Ini perlu kita tengok jugalah.

Dan yang keduanya, saya rasa kepimpinan akademik yang ada di universiti adalah tidak berapa – banyak profesor yang ada itu – nasib baiklah saya sudah keluar, saya boleh kritik mereka. Banyak profesor yang ada itu yang kita iktiraf dengan memberi 'kerusi' kepada dia, dia tidak membekalkan kepimpinan akademik kepada mereka yang lebih muda. Ini bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam bidang-bidang yang lain. Tetapi sengaja hendak buat unjuran yang lebih umum daripada itu, sebenarnya sudah terdapat sedikit ataupun mungkin banyak kekhakisan di kalangan rakyat Malaysia keseluruhannya untuk berpegang kepada apa-apa idealisme dan conviction. Kita tidak ada pegang kepada apa dia, dia boleh jadi ahli ekonomikah, jadi apakah, kita tidak berpaut kepada mana-mana satu idealisme, satu-satu conviction yang menyebabkan kita berani menyuarakan sesuatu dan fenomena ini jelas berlaku pada beberapa tahun yang lepas.

Mungkin sekarang kita begitu materialistik jadinya sehinggakan kalau ada orang hendak bercakap fasal ekonomi, kalau dia tidak kaya, dia tidak jadi jutawan, dia tidak jadi billionaire, dia tidak ada hak hendak cakap fasal ekonomi kerana kita menjadi begitu materialistik sehinggakan kita menganugerahkan authority untuk bercakap tentang sesuatu perkara berdasarkan kekayaan orang itu. Kalau orang itu bukan millionaire, multi-millionaire macam mana dia hendak cakap fasal ekonomi? Kita sebagai sebuah masyarakat sudah hilang nilai yang itu, bukan kita hargai ilmu dan ketokohan yang ada pada orang itu atas benda itu sahaja tetapi kita kena terapkan, tekapkan ke atas penilaian itu kekayaan dia. Jadi, sebab itulah kita lihat di dalam tujuh, lapan tahun yang lepas atau sepuluh tahun yang lepas, kalau orang itu kaya sahaja, dia boleh cakap fasal apa pun. Dia kaya dia boleh jadi authority di dalam pandangan ekonomi, dia kaya dia boleh jadi authority dalam sastera, dia kaya fasal agama pun dia boleh bercakap, dia kaya dia hendak cakap fasal sejarah pun boleh, dia hendak cakap fasal anthropology pun boleh sebab asalkan dia kaya dia ada authority. Begitu korupnya nilai dan institusi yang ada dalam negara kita ini sehinggakan jadi sampai macam itu, jadi korup keseluruhannya. *[Tepuk]* Jadi, yang berlaku dalam kampus itu kira satu terbitan sahajalah. Saya ini sebab saya pun tidak berapa ada duit, jadi hendak jadi ahli politik pun susah juga. *[Ketawa]* Ini melencong sedikit.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, berasaskan kepada judging Yang Berhormat kata tadi kalau seseorang petani itu kaya dia bukan ahli ekonomi, dia menjadi millionaire, jadi kalau dia bercakap mengenai ekonomi orang percayalah. Itu Yang Berhormat maksudkan? Atau pun seorang cikgu, dia kaya lepas jual tanah di Langkawi dia menjadi millionaire, jadi dia bercakap ekonomi orang percaya. Jadi apakah itu kriteria yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Ya, secara tidak langsung macam begitulah. Katakan orang itu boleh pergi belajar, dia belajar fasal senibinakah atau architecture history sampai hendak pecah kepala, 10 atau 15 tahun dapatlah Ph.D atau apakah. Dia hendak cakap tentang senibina, konsep pembangunan barukah atau apakah dari segi architecture, susunan bandar dan sebagainya, orang tidak dengar tetapi kalau petani manakah, bekas peneroka tanah dia kerajaan ambil atau dia dapat RM10 juta, dia jadi kaya, bawa kereta besar, jadi dia mempunyai authority, dia boleh bercakap tentang katakan senibina buat macam ini, macam ini, dan orang boleh percaya. Jadi, begitu korup sistem nilai kita. Sebab itu sampai jadi macam itu. Jadi, kita memberi signal yang tidak betul kepada generasi yang muda, kepada pelajar-pelajar yang dibangku sekolah, kepada generasi anak-anak kita. Kalau kita tidak perbetulkan benda ini, akan menjadi masalah kepada kita di masa-masa yang akan datang.

Jadi sebab itulah saya timbulkan tadi kalau kita merancang pembangunan negara ini berdasarkan kemampuan yang ada pada kita. Dari segi saya katakan tadi pinjaman hendaklah dikekang oleh bilangan amount tabungan dan kita mendapat satu yang stabil. Bila kita mendapat pertumbuhan yang stabil maka ia menjadi sesuatu yang boleh kita perlanjutkan (sustainable) dan ia memberi ruang supaya keadaan itu tidak berubah dengan terlalu cepat dan kita boleh membangunkan institusi manusia itu sendiri supaya siap sedia.

Saya melalui satu zaman yang terlalu cepatlah, jadi Alhamdulillah setakat ini boleh adjust lagilah. Jadi daripada zaman saya kecil sehingga sekarang ini, saya pun tidak tua sangat lagi tetapi perubahan yang berlaku begitu cepat dan bagi banyak orang dia tidak boleh hendak menyesuaikan diri dengan perubahan itu maka dia terperangkap dalam pelbagai gejala lain. Jadi sampai yang susah ini yang saya tengah cakap ini bagi CEO, Senior Executive bank-bank yang tidak erti pakai KLIBOR futures ini pasal apa?

Jadi kita buat, kerajaan mungkin orang di Bank Negara, di Treasury fikirkan kita perlu memperdalamkan, membangunkan pasaran kewangan kita, hendak buat apa, kita tidak ada interest futures, jadi susah kita punya financial institution hendak buat hedging. Jadi kita pun buatlah exchange itu untuk trade futures, lepas itu orang yang sepatutnya guna tidak pakai. Kita buat KLOFFE, kita dagangkan future indeks - indeks KLCI ini punya futures dan sepatutnya pengurus-pengurus dana, mereka yang mempunyai jumlah pelaburan yang besar-besar di dalam pasaran saham melindungi diri mereka dengan melibatkan diri dalam KLOFFE ini tetapi sekarang ini saya sendiri adalah juga terlibat bukan secara peribadi tetapi dalam kapasiti sebagai Ahli Parlimen - duduk dalam setengah lembaga-lembaga ini pergi labur (invest) duit dengan begitu banyak dalam pasaran saham, lepas itu duduk saja - tengok indeks jatuh daripada 1,200 jatuh, jatuhbila sampai 600 tinggal setengah, jatuh turun lagi, kira, macam jadi satu kepakaran ataupun tahap modal manusia yang ada ini begitulah. Jadi boleh tengoklah jatuh, jatuh.... kira macam sudah tidak tahu buat apa, pada hal kalau dia tidak hedge pada mula masuk itu pun, kalau dia main di futures market itu boleh buat duit juga, boleh cover.

Apa yang terjadi, kita buat bursa ini siapa yang main? Yang main ialah pedagang luar ini, dia 'go short' dalam pasaran indeks ke hadapan, lepas itu dia jual saham dia di KLSE. Jadi dia jual dia tahu dia boleh turunkan indeks tetapi sebelum itu dia sudah jual ke hadapan indeks di KLOFFE. Jadi dia buat duit 'sakanlah', dekat sini dia buat duit, dia realise sebab dia beli pada harga rendah, dekat sini pun dia dah buat duit - satu point RM100, sepuluh point RM1,000. Cuba kita bayangkan indeks turun daripada 1,200 kepada sekarang ini 400 - gila punya peluang untuk buat duit, 1,200 kepada 400, 800 point, satu point RM10, lapan ribu point, satu kontrak cuba kita bayangkan, dia hanya letak saya ingat sekarang ini dia punya margin tinggi sedikit iaitu RM12,000 satu lot dalam KLOFFE.

Jadi mereka ini buat duit bermilion-milion di KLOFFE dan merealisasikan pulangan daripada jualan di KLSE. Yang orang kita, pengurus dana dalam negara kita dan juga syarikat-syarikat dan juga segala bank dan segala yang terlibat dalam hal ini duduk

tengok sahaja dan kita sekarang ini hendak buat LIFE (Labuan International Financial Exchange), jadi kita perkenalkan lagi kemudahan, niat kerajaan satu niat yang baik untuk memperkayakan lagi pasaran kewangan ini. Jadi puncanya ialah saya ingat dari segi pengetahuan dan juga kemahiran. Itu puncanya. Kalau kita lihat pada KLOFFE - syarikat-syarikat broker yang terlibat di KLOFFE - CEO dia, even KLOFFE punya CEO sendiri bukan local - 'Mat Salleh' mana ke - Australian ke, bukanlah kita anti-Mat Salleh, masuk Mat Salleh-Mat Salleh yang cerdik-cerdik ini bagus daripada masuk Bangladesh dan Indonesia ini, banyak lagi kita dapat manfaat. *[Ketawa]*

Jadi ini menunjukkan bahawa dalam bidang futures industries ini, dalam pasaran derivative ini kita punya kepakaran tidak berapa hendak ada lagi dan saya ingat dua hari lepas Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pergi merasmikan satu conference yang dianjurkan oleh MME untuk memperkenalkan pengurusan risiko kepada institusi kewangan. Jadi saya rasa pelik, jadi ini saya bersetuju dengan rakan saya daripada Tambun, jadi exchange hendak pergi ajar bank macam mana hendak guna instruments dia, betullah kalau exchange pergi buat promotion untuk dapat retail investors, lain -ini exchange hendak pergi dapat retail investor - dia ini hendak invest 2-3 lot.

Ini exchange hendak kena pergi kepada institutional investors, nak cakap you 'mali lah' tetapi pada ketika yang pertama tadi, macam mana dia itu boleh pergi jadi banker, kalau dia tidak faham benda ini? Macam mana dia boleh jadi fund managers kalau dia tidak erti buat hedging sebegini rupa. Jadi ini menunjukkan masa tengok syok dulu mereka begitu eksyen, pasal saya tidak ada kepentingan jadi saya boleh lepaskan geram kepada dia orang ini sebab dulu mereka nampak begitu angkuh dan orang Penang kata 'ranggi' tidak pasal-pasal sebab ada duitnya bukan sebab apa dan kadang-kadang duit itu pun bukanlah sebab dia pandai sangat buat duit itu. Kalau saya pun dapat macam mana mereka dapat, saya pun boleh jadi kaya juga. Kalau dia buat duit dalam pasaran hadapan - KLOFFE dengan MME ini, kalau dia speculator sahaja, katakan saya ada duit tetapi saya tidak ada duit hari itu, jadi semasa market hendak jatuh itu, sekurang-kurangnya kalau dia guna kepakaran dia, dia sell short ... sell 800 buy 700 - buat berapa banyak dah, lepas itu market ringgit naik I sell short dalam KLOFFE - buat duit lagi dan I go long in the KLCE because harga kelapa sawit naik. Jadi kalau ada orang buat macam itu, orang tempatanlah, sekurang-kurangnya kita pun kira okeylah juga walaupun dia capitalist betul-betul tetapi at least kita kata adalah hamba Allah beberapa orang ini yang ada pengetahuan untuk menggunakan infrastruktur yang ada untuk sekurang-kurangnya memperkayakan diri dia.

Jadi kita kata, wah! Dia ini guna kepala otak dia untuk jadi kaya dan bolehlah kita hormat. Ini yang dana-dana ini, tabung-tabung amanah saham, dulu kita ada amanah saham yang KL Mutual Fund, private unit trust tetapi bila dah ada PNB agenda Bumiputera Melayu, kita pun - ASN, ASB lepas itu semua negeri hendak buat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Ha, habis dah! Saya sambung hari Isnin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat boleh sambung Isnin depan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.